

Jilid II  
Bil. 51



Hari Isnin  
12hb November, 1984

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

## KANDUNGANNYA

### PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Dato' Musa bin Hitam—

Y.B. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze—Kebenaran [Ruangan 7281]

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7281]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985—

Jawatankuasa:

Jadual—

Maksud B. 13 [Ruangan 7320]

Maksud B. 14, B. 15 dan B. 16 [Ruangan 7337]

Maksud B. 17 [Ruangan 7383]

### USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985:

Jawatankuasa—

Maksud P. 13 [Ruangan 7320]

Maksud P. 14 dan P. 16 [Ruangan 7337]

Maksud P. 17 [Ruangan 7383]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 12hb November, 1984

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TIM-  
BALAN YANG DI-PERTUA**

**CUTI Y.A.B. DATO MUSA  
HITAM DAN Y.B. DATUK AMAR  
STEPHEN YONG KUET TZE—  
KEBENARAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Yang di-Pertua, mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, Yang di-Pertua telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52, Perlembagaan Persekutuan kepada—

- (1) Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam dari 15hb November, 1984 hingga 25hb November, 1984; dan
- (2) Yang Berhormat Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze dari 11hb November, 1984 hingga 19hb November, 1984.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BAITULMAL WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

**1. Tuan Mohammad Idris bin  
Mohammad Basri** minta Menteri

Wilayah Persekutuan menyatakan apakah projek dan rancangan yang sedang dijalankan oleh Baitulmal Wilayah Persekutuan untuk meninggikan taraf ekonomi kaum Muslimin dan mengapa tidak terdapat kerjasama di antara Dewan Bandaraya dan Baitulmal dalam segi mengeluarkan lesen-lesen kepada penjaja-penjaja yang mendapat bantuan dari Baitulmal.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Baitulmal Wilayah Persekutuan sedang melibatkan diri dalam sektor ekonomi secara aktif melalui 5 buah syarikat milik penuh Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan bagi meninggikan taraf ekonomi kaum Muslimin di Wilayah Persekutuan. Syarikat-syarikat tersebut ialah:

- (1) Baitulmal Wilayah Sendirian Berhad, iaitu sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan pengurusan harta dan projek-projek pembinaan;
- (2) Pusat Rawatan Islam Sendirian Berhad, iaitu sebuah hospital yang memberikan perkhidmatan Sakitpuan dan Perbidanan, rawatan Pakar Kanak-kanak serta rawatan pesakit biasa;
- (3) Pasaraya Baitulmal Sendirian Berhad, yang mana cawangan pertamanya di Selayang Baru telah dibuka 3 hari lalu pada 9 haribulan ini;

- (4) Baitulmal Wilayah Sang Kancil Sendirian Berhad, sebuah syarikat usahasama yang mengeluarkan mee basah untuk pasaran Wilayah Persekutuan dan kawasan sekitarnya; dan
- (5) Baitulmal Wilayah Zenith Bateri Sendirian Berhad, iaitu sebuah syarikat usahasama yang mengeluarkan bateri baru dan bateri yang dipulih semula atau "battery recondition".

Buat masa ini kelima-lima syarikat di atas telah memberikan peluang pekerjaan kepada seramai 141 orang kaum Muslimin. Mereka terdiri daripada tenaga pakar seperti doktor, jururawat terlatih, jurutera, ahli farmasi dan lain-lain daripada kumpulan pengurusan hinggalah ke kumpulan buruh kasar.

Baitulmal Wilayah Persekutuan ada juga melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan dan Perniagaan daripada Kumpulan Wang Zakat kepada mereka yang tergolong dalam "asnah yang lapan". Bantuan itu disalurkan melalui aktiviti-aktiviti seperti bantuan wang tunai dan harta benda, bantuan asas perniagaan, bantuan biasiswa kepada pelajar miskin, bantuan kecemasan dan lain-lain yang diperlukan oleh umat Islam.

Dewan bandaraya Kuala Lumpur dan Baitulmal Wilayah Persekutuan sememangnya sudah menyelaraskan dan bekerjasama bagi menjayakan skim bantuan ini. Bentuk kerjasama ini ialah dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan lesen-lesen kepada penjaja-penjaja yang telah menerima bantuan dalam bentuk gerai daripada Baitulmal ataupun pihak Baitulmal mengeluarkan bantuan dalam bentuk gerai kepada mereka yang telah menerima lesen penjaja daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Seperti biasa, lesen-lesen ini dikeluarkan mengikut tempat-tempat

yang dibenarkan sahaja di dalam kawasan Kuala Lumpur.

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah setakat ini kerjasama yang telah diberi oleh Dewan Bandaraya kepada Baitulmal Wilayah Persekutuan hanya berdasarkan lesen-lesen kepada penjaja-penjaja ataupun perkara-perkara yang lain berkaitan dengan ekonomi yang mana boleh meninggikan taraf ekonomi kaum Muslimin di Wilayah Persekutuan ini?

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, bantuan ini bukanlah hanya diperlukan sahaja daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bahkan ia meliputi dan melibatkan badan-badan Kerajaan yang lain yang turut terlibat dalam kegiatan-kegiatan ekonomi dan sepanjang masa ini bantuan dan kerjasama daripada badan-badan Kerajaan ini agak memuaskan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Menteri sebentar tadi ada menerangkan bahawa Baitulmal telah begitu pesat bergerak dalam bidang ekonomi. Saya sangat tertarik dalam bahagian perumahan tadi yang diterangkan, saya dapat tahu bahawa projek-projek perumahan yang dikendalikan oleh syarikat Baitulmal ini agak terlalu lambat ataupun lewat. Sebagai contoh, satu kawasan perumahan yang menghala ke jalan Lebuhraya ke Kuantan sehingga hari ini masih lagi peserta-peserta yang sepatutnya boleh menduduki rumah itu tetapi tidak dapat lagi. Dapatkah Menteri menerangkan kenapa dan apakah sebabnya perkara ini berlaku?

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana

biasa dengan projek-projek perumahan yang dijalankan oleh pihak-pihak yang tertentu ianya menghadapi masalah-masalah yang tertentu dan sedikit sebanyak masalah-masalah ini akan dapat kita atasi daripada semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan ialah apa yang dikenal sebagai Taman Pelangi dengan pembinaan sebanyak 200 unit rumah kos rendah sederhana dan anggaran kos projek itu ialah sebanyak \$9.5 juta dan juga melibatkan pembinaan 16 unit rumah kedai yang dianggarkan kos sebanyak \$4.5 juta.

### KONSEP LADANG BERKELOMPOK

2. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sehingga kini apakah program-program yang telah dilakukan secara berkesan ke arah melaksanakan konsep Ladang berkelompok di kalangan petani-petani miskin di luar bandar; dan
- (b) bagaimanakah halnya dengan kawasan-kawasan yang terpencil jauh di pedalaman dan belum mendapat apa-apa kemudahan asas yang terpenting seperti bekalan air yang bersih, jalan yang selesa, bekalan api dan sebagainya. Mungkin konsep Ladang Berkelompok itu dapat dilaksanakan di kawasan itu. Jika tidak, bagaimana.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, konsep ladang secara berkelompok telah pun dilaksanakan oleh Kementerian ini melalui agensi-agensi seperti RISDA, FELCRA dan

juga Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah. Bagi RISDA pelaksanaannya adalah melalui dua cara, pertama tanaman semula secara berkelompok yang diuruskan sendiri oleh pekebun-pekebun kecil dan kedua melalui pembentukan mini estet yang dikendalikan oleh RISDA sendiri bagi pihak pekebun-pekebun kecil.

Projek tanaman semula berkelompok telah dimulakan sejak tahun 1973 manakala mini estet pada tahun 1980. FELCRA pula melaksanakan konsep ladang berkelompok melalui program penyatuan dan pemulihan tanah terbiar yang berselerak di kampung-kampung. Dalam melaksanakan program ini tanah-tanah yang terbiar dalam satu-satu kawasan perkampungan akan diuruskan oleh FELCRA secara ladang berdasarkan kepada kadar pulangan maksima apabila ladang itu mengeluarkan hasil kelak.

Pemilik-pemilik tanah merupakan pemegang saham berasaskan keluasan tanah masing-masing yang diserahkan kepada FELCRA untuk melaksanakan dan mengendalikan rancangan ini secara koperatif yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada pemilik-pemilik tanah itu sendiri. Tenaga kerja ladang juga diperolehi daripada ahli-ahli koperatif itu sendiri. Melalui cara ini selepas ditolak pinjaman Kerajaan mereka akan menerima pendapatan daripada dividen, upah dan insentif bekerja di ladang tersebut.

Perlaksanaan program pemulihan dan penyatuan oleh FELCRA adalah dibuat melalui beberapa model seperti berikut:

#### (a) Program pemulihan

Pemulihan secara pertanian koperatif perladangan bersama. Model ini digunakan di mana

keadaan tanah adalah berkelompok atau sifatnya terkumpul sehingga keluasan kawasan sesuai sehingga merupakan kawasan sesuai untuk dijadikan perladangan, dan kedua pemuliharaan lot demi lot. Model ini digunakan sekiranya tanah terbiar yang terdapat di sebuah kampung adalah bertaburan;

(b) *Program penyatuan*

Pertama, penyatuan tanah secara pengurusan. penyatuan mengikut model ini tidak melibatkan penyatuan tanah secara fizikal tetapi hanya di peringkat pengurusan. Kedua, penyatuan rancangan pinggir dengan rancangan tanah kampung tradisional dan ketiga, penyatuan apa yang dipanggil ala Kampung Teratak Baru. Ini merupakan satu projek pembangunan *in-situ* yang melibatkan penyusunan semula penggunaan tanah, kegiatan ekonomi, penempatan penduduk dan kemudahan-kemudahan asas.

Mengenai soalan (b), konsep ladang berkelompok ini juga akan dilaksanakan di kawasan-kawasan terpencil jauh di pedalaman asalkan keluasan tanah yang berkenaan adalah sesuai untuk dimajukan.

Dalam program-program pembangunan tanah bagi tahun 1984 dan tahun-tahun yang akan datang kawasan-kawasan terpencil meliputi kampung-kampung tradisional di pedalaman akan diberi tumpuan. Adalah menjadi hasrat Kementerian ini supaya kawasan-kawasan yang dimajukan ini dapat disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur seperti jalan-jalan, bekalan elektrik, air, sekolah, klinik dan lain-lain.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Soalan tambahan. Terima kasih di atas penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan rancangan untuk membangunkan masyarakat di luar bandar.

Saya ingin bertanya di dalam menjalankan perancangan berbagai-bagai konsep yang dibuat oleh Kementerian ini memandangkan harga kelapa sawit ataupun hasil daripada kelapa sawit adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan getah, adakah pihak Kementerian ini di dalam menjalankan rancangan ini mengambil kira mana-mana tanah petani-petani atau peladang-peladang yang sesuai dengan kelapa sawit supaya ditanam dengan sawit walaupun pada mulanya tanah itu ladang getah.

Kedua, berkenaan dengan konsep *in-situ*, saya ingin bertanya apakah masalah-masalah yang dihadapi dan setakat ini berapa banyak projek secara *in-situ* ini telah dijalankan oleh pihak Kementerian.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar bahawa pulangan daripada pengurusan sawit lebih daripada getah. Namun demikian, Kementerian juga sedar adanya sekatan-sekatan dari segi menukar syarat tanah untuk menanam sawit dan bagi usaha-usaha yang dijalankan oleh RISDA kebanyakannya tanaman semula dibuat ataupun diusahakan dengan getah kecuali pekebun kecil telah dapat kelulusan untuk menukar syarat kepada tanaman yang lain dan kadar pemberian (grant) untuk tanam semula getah berbeza daripada sawit.

Dari segi kesedaran Kementerian bahawa penggalakan untuk menanam sawit, ini terpulang kepada pekebun-pekebun kecil sendiri kerana kita belum ada sesuatu dasar untuk

menyekat mereka yang tanam getah kepada sawit kerana tanggungjawab kita terhadap keperluan dunia dari segi pembekalan getah asli.

Kedua, konsep *in-situ* telah berjalan begitu jauh yang kebanyakannya dikelolakan oleh FELCRA. Saya tidak dapat memberikan angka yang tepat dari segi pembukaan tanah secara *in-situ* tetapi FELCRA telah dikhususkan untuk membangunkan tanah dengan secara *in-situ* yang telah diterangkan beberapa cara iaitu sama ada secara pengurusan, secara lot demi lot ataupun secara penyatuan.

**Tuan Ismail bin Said:** Dalam jawapan beliau tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa salah satu daripada konsep ladang berkelompok ialah penubuhan mini estet yang dijalankan semenjak tahun 1980 lagi.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri jika sekiranya Yang Berhormat Menteri ada angkanya di sini setakat ini berapakah jumlah mini estet yang ada di negara kita ini dan juga jumlah peserta yang terlibat dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian beliau bagi melaksanakan mini estet ini dan cara manakah pihak Kementerian beliau mengatasi masalah-masalah ini.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 1983 sebanyak 661 buah projek tanam semula berkelompok telah dimajukan meliputi 17,584 hektar kawasan dengan bilangan peserta berjumlah 11,287 orang.

Sebanyak 273 projek lagi adalah dimajukan sebagai mini estet dengan keluasan 31,607 hektar dan bilangan peserta lebih kurang 15,899 orang.

Setakat ini seluas 10,331 hektar tanah terbiar sedang dipulihkan dan

dijangka kira-kira 8,000 hektar lagi akan diusahakan menjelang akhir tahun 1984 ini.

Mengenai pelaksanaan mini estet, setakat ini kita telah dapat menggerakkan pembangunan tanah secara mini estet walaupun ada beberapa masalah yang kita hadapi seperti mendapatkan persetujuan daripada pekebun-pekebun kecil dan juga dari segi memenuhi keperluan daripada sepentas iaitu pendahuluan sara hidup sementara menunggu pokok getah boleh ditoreh dan sebagainya. Namun demikian, kelebihan-kelebihan faedah daripada rancangan berkelompok ini banyak misalnya membolehkan pekebun kecil menggunakan kaedah-kaedah baru dalam pertanian dengan penggunaan jentera berat untuk menyediakan tanah dijalankan jika kawasan yang dikerjakan itu agak besar terutama sekali dan melalui pengelolaan oleh Jawatankuasa Kebun-kebun Tanam Semula akan mempunyai kemungkinan yang lebih baik untuk berjaya berbanding kebun-kebun tanam semula yang diusahakan secara perseorangan di mana keluasan tanam semula berkelompok agak besar kos pembangunannya adalah lebih rendah berbanding dengan kod pembangunan bagi kawasan yang kecil.

Dan bagi RISDA pula, dengan adanya tanaman semula berkelompok akan memudahkan penyaluran perkhidmatannya kepada pekebun-pekebun kecil dan kebun-kebun terbiar yang tidak dapat diusahakan kerana tidak ada orang untuk mengelolanya dapat ditanam semula dengan secara menyerahkan untuk pengendalian oleh Jawatankuasa Pengelola TSB. Ini faedah-faedahnya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soal yang pertama, mini estet ini ialah suatu projek yang popular di kalangan

petani-petani. Soalnya adakah pihak Kerajaan sedar bahawa pengawasan dan penjagaan mini-mini estet ini telah tidak dibuat dengan begitu rapi dan baik.

Yang kedua, mengenai FELCRA. Di dalam konsep FELCRA iaitu penyatuan dan pemulihan, adakah pihak Kerajaan sedar bahawa pada projek-projek yang telah lalu FELCRA ini kerjanya hanyalah membuka tanah-tanah baru, bukan penyatuan dan juga pemulihan tanah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tak perlu jawab soalan yang kedua.

**Tuan Othman bin Abdul:** Soal yang ketiga . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang kedua sekarang.

**Tuan Othman bin Abdul:** Ini soalan ketiga, Tuan Yang di-Pertua. Soal yang ketiga, daripada segi idealnya kita boleh menyebutkan soal penyatuan dan pengelompokan tanah, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan atau menerangkan kepada Dewan ini bahawa masalah yang dihadapi oleh Kementerian dan cara bagi mengatasi masalah pengelompokan dan juga penyatuan tanah-tanah kecil ini.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar mini estet satu rancangan yang popular dan kita sedang meninjau kemungkinan untuk menyatukan beberapa mini estet untuk mendapatkan pengawasan dan pentadbiran yang lebih sempurna kerana kita juga sedar kita tidak dapat mengambil kesempatan daripada economy of scale, dengan izin, maka mengumpulkan beberapa mini estet akan dapat menyenangkan pengawasan dan setakat ini pegawai-pegawai yang telah ditugaskan telah

berjaya menggerakkan beberapa aktiviti dalam mini estet, bukan sahaja dari segi penghasilan dari kebunnya, tetapi kita sedang meninjau kemungkinan-kemungkinan dari segi off farm income untuk menepati Dasar Pertanian Negara.

Oleh kerana soalan kedua tidak ada kaitan, saya setuju Tuan Yang di-Pertua, maka soalan ketiga ialah dari segi usaha-usaha penyatuan dan pemulihan tanah oleh FELCRA. Kita telah dikhususkan oleh Majlis Tindakan Negara untuk mengenenpikan pembukaan tanah baru sejak tahun 1982 maka kini kita menekankan kepada masalah penyatuan dan pemulihan sahaja.

Dari segi penyatuan saya telah terangkan dalam jawapan saya tadi bagaimana usaha-usaha untuk menyatukan tanah-tanah terbiar atau tanah-tanah pekebun kecil dengan tanah-tanah baru untuk meningkatkan pekebun-pekebun kecil untuk mendapat satu pegangan yang lebih ekonomik. Namun demikian, oleh kerana kekurangan tanah kita menghadapi masalah seperti misalnya ada rancangan-rancangan di tempat-tempat tertentu seperti di Johor di mana ada pekebun-pekebun kecil yang hendak kita pulihkan dan kita usahakan dengan penyatuan tanah tetapi oleh kerana tidak ada tanah yang berdekatan maka akhirnya kita terpaksa membuka tanah baru yang jauhnya 40 batu daripada tanah asal tetapi akhirnya tidak dapat juga memindahkan pekebun-pekebun kecil ini. Maka cara-cara baru seperti misalnya telah dibincangkan di peringkat Kementerian apakah pekebun-pekebun kecil yang mempunyai setengah ekar, satu ekar dan sebagainya boleh dipindahkan ke rancangan FELDA, memberi mereka tanah baru dengan syarat mereka menyerahkan tanah-tanah kecil itu untuk disatukan oleh FELCRA dan diberi kepada pekebun-pekebun kecil

yang lain. Ini adalah antara rancangan-rancangan yang sedang difikirkan oleh Kementerian di mana agensi-agensi di bawahnya seperti FELDA dan FELCRA dapat kerjasama supaya pengkhususan fungsi mereka dapat dijalankan oleh tiap-tiap agensi itu.

**Tuan Omar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kegiatan menanam semula secara kelompok, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada benar bahawa pekebun-pekebun kecil yang mempunyai geran berkongsi tidak akan dapat diberi bantuan. Kalau sekiranya benar, adakah Kementerian bercadang untuk melonggarkan syarat ini supaya mereka ini juga akan mendapat faedah dan usaha mewujudkan ladang berkelompok ini akan dapat berjalan dengan licin.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi tanah berkongsi kadar pemberian geran ialah berasaskan kepada tiap-tiap satu ekar bukan kepada tiap-tiap orang pemilik kerana berlaku pada mulanya kita usahakan dari segi SEPENTAS di mana pekebun-pekebun kecil yang mempunyai nama secara perkongsian dikira untuk bahagian pada tiap-tiap seorang akhirnya kos tanam semula dengan Pendahuluan Sara Hidup Sementara Tanam Semula itu meningkat begitu tinggi akan hanya membebankan hutang kepada pekebun-pekebun kecil itu sendiri. Maka telah ditetapkan geran-geran tanam semula ini diberi atas kadar tiap-tiap satu ekar dan perkongsi-perkongsi itu bermuafakat untuk menguruskannya.

#### DASAR EKONOMI BARU— KEJAYAAN

**3. Tuan Abdillah bin Haji Abd. Hamid** minta Perdana Menteri

menyatakan apakah tanda-tanda bahawa DEB telah dan sedang berjaya. Apakah kesan-kesannya, dan apakah benar dakwaan pengkritik bahawa DEB itu menyekat pertumbuhan ekonomi negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa petunjuk tertentu mengenai kemajuan dan kejayaan Dasar Ekonomi Baru sehingga tahun 1983. Kemajuan ini jelas terdapat dalam dekad pertama 1970/1980 sebagaimana yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat. Butir-butir pencapaian selanjutnya bagi tempoh 1981/1983 pula terkandung di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Ketika ini pula pihak Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah awal bagi menyediakan Rancangan Malaysia Kelima. Rancangan ini kelak akan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai Dasar Ekonomi Baru dan seterusnya melihat prospek jangka panjang bagi pencapaian matlamat dasar tersebut.

Di sini suka saya menjelaskan beberapa petanda penting mengenai kejayaan-kejayaan Dasar Ekonomi Baru sehingga akhir tahun 1983.

Dari aspek pembasmian kemiskinan kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurangan dari 49.3% dalam tahun 1970 kepada 29% dalam tahun 1980. Peratusan ini telah meningkat sedikit ke 30.3% dalam tahun 1983 akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia dan kemerosotan harga barangan utama. Sementara itu kadar kemiskinan di Sabah telah berkurangan dari 58.3% dalam tahun 1976 kepada 29.2% dalam tahun 1982, manakala di Sarawak dari 56.5% kepada 31.3%.

Adalah penting ditegaskan di sini bahawa konsep kemiskinan di Malaysia adalah berbeza daripada kemiskinan yang terdapat di beberapa negara yang sedang membangun. Bentuk kemiskinan yang keterlaluan seperti kelaparan, kebuluran serta tempat tinggal yang amat dhaif tidak wujud di negara kita.

Kesimpulan mengenai sama ada sesebuah isi rumah itu miskin atau tidak hendaklah juga mengambil kira mutu dan banyaknya kemudahan-kemudahan asas yang mereka nikmati berbanding dengan isi rumah yang lain. Taraf hidup isi rumah miskin di negara ini, terutamanya di kawasan luar bandar telah meningkat hasil daripada berleluasan perkhidmatan asas seperti sekolah, hospital, jalan, jambatan, bekalan air dan elektrik.

Dari segi penyusunan semula masyarakat, beberapa kemajuan serta perubahan-perubahan yang begitu ketara telah dicapai. Umpamanya kedudukan keseimbangan pendapatan antara kaum dalam tempoh 1971/1979 telah bertambah baik. Dalam tahun 1970 tingkat pendapatan purata sebenar sebulan seisi rumah bagi orang-orang Melayu ialah \$172, orang China \$394 dan orang India \$304. Dalam tahun 1979 tingkat pendapatan ini telah meningkat ke \$296 bagi orang-orang Melayu, \$565 bagi orang-orang China dan \$455 bagi orang-orang India. Kemajuan penyusunan semula pekerjaan pula menunjukkan bahawa ketiga-tiga kaum telah mengalami pertumbuhan guna tenaga yang pesat dalam tahun 1971/1980 dan sehingga 1983 keadaan ini adalah memuaskan.

Dalam pembahagian pekerjaan profesional pula petanda-petanda menunjukkan bahawa kaum Melayu masih ketinggalan berbanding dengan pencapaian kaum Cina dan usaha-usaha untuk mencapai perseimbangan sedang dipergiatkan. Dalam bidang

hak milik harta syarikat sehingga 1983 hak milik kaum bumiputera telah mencapai 18.7% semua hak milik rakyat Malaysia yang lain berada di peringkat hampir 48%.

Dalam bulan September 1984 bilangan pelabur yang melabur di dalam Amanah Saham Nasional (ASN) telah meningkat ke 1.6 juta dengan nilai pelaburan kasar sebanyak \$1,376.6 juta. Adalah didapati bahawa golongan petani dan pekerja di peringkat rendah termasuk buruh merupakan 34.4% daripada jumlah bilangan yang melabur. Dengan adanya skim ASN ini maka faedah pelaburan telah semakin meluas terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Perangkaan-perangkaan yang saya sebutkan tadi jelas menunjukkan beberapa kesan yang positif serta menggalakkan ke atas kemajuan Dasar Ekonomi Baru. Dakwaan bahawa Dasar Ekonomi Baru itu menyekat pertumbuhan ekonomi negara adalah tidak benar. Dalam tahun-tahun 60an iaitu sebelum Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, pertumbuhan ekonomi negara cuma 6.8% setahun sahaja tetapi dalam tahun-tahun 70an selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, kadar pertumbuhan ekonomi negara telah meningkat ke kadar 7.9%. Ini jelas menunjukkan bahawa pelancaran Dasar Ekonomi Baru tidak menyekat sebaliknya menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi banyak kemajuan telah dapat dicapai sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru sehingga sekarang.

Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan berasa yakin bahawa Dasar Ekonomi Baru ini akan dapat

mencapai matlamatnya pada tahun 1990 dan sekiranya ini adalah dalam arah yang positif, maka adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menamatkan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 dan sekiranya Kerajaan belum dapat membuat sebarang keputusan tentang perkara ini, maka saya suka mendapat tahu bilakah Kerajaan dapat mengambil satu keputusan berkenaan hal ini?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka kita merancang Rancangan Malaysia Kelima dari segi penyediaan satu kajian yang teliti dan intensif juga dibuat untuk mengambil perhatian setakat mana pencapaian Dasar Ekonomi Baru boleh dijayakan sehingga 1990.

Jadi kita telah memutuskan di peringkat awal ini, saya kata awal kerana kita belum memutuskan sama ada ingin meneruskan rancangan ini sehingga selepas 1990 sebelum butir-butir kajian-kajian itu dapat dikenal pasti. Saya juga tidak dapat mengatakan bila kita akan mengambil keputusan itu sebelum segala faktor-faktor, segala bahan-bahan yang saya sebutkan tadi perlu dikaji terlebih dahulu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagaimana angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi bahawa 18.7% pelaburan atau ekuiti bumiputera setakat ini yang telah tercapai dan angka ini amat jauh kalau kita bandingkan dengan yang dicapai oleh bukan bumiputera 47% lebih saya rasa. Dan 18.7% ini juga jauh kalau kita bandingkan dengan "target" yang kita kehendaki sebanyak 23% dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang lepas iaitu tahun 1983. Jadi apakah halangan-halangan besar yang menyebabkan

pencapaian pelaburan atau ekuiti bumiputera yang tidak mencapai matlamat kepada 23% yang kita kehendaki sepatutnya setakat ini, dan apakah tindakan segera atau rancangan khas supaya matlamat Kerajaan dalam ekuiti bumiputera ini tidak lagi ketinggalan dalam rancangan yang akan datang supaya dianya akan mencapai matlamatnya yang sebenar?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa pencapaian setakat ini hanya 18.7%. Mengenai halangan walaupun Kerajaan ingin meningkatkan lagi perkara-perkara yang boleh menggerakkan peningkatan hak milik bumiputera dan sebagainya mengikut Dasar Ekonomi Baru tetapi kita juga mesti berdepan dengan beberapa "constraints", dengan izin, masalah-masalah yang kadangkala kita tidak dapat jadualkan seperti keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang mempengaruhi juga negara kita dan juga perkara-perkara lain di peringkat pelaksanaan yang juga kita mengenal pasti. Dari segi kita mengatasi halangan-halangan dari segi pencapaian yang ada untuk kita pergi kepada tahap yang kita rancang. Saya ingin nyatakan di sini sebagai perumpamaan iaitu dalam Belanjawan tahun 1985 umpamanya sebanyak \$2,190 juta telah diperuntukkan kepada projek atau program membasmi kemiskinan dan juga \$621 juta diperuntukkan untuk program menyusun semula masyarakat. Ini merupakan kalau kita ingati serampang yang menjadi asas matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Selain daripada itu kita juga akan meniggikan daya pengeluaran petani dengan membuka tanah baru dan menggunakan tanah-tanah yang sudah tersedia meningkatkan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar—ini juga merupakan satu daripada strategi

untuk mengatasi masalah ini—selain daripada menunjukkan keazaman Kerajaan untuk meninggikan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Jadi bantuan dan peruntukan serta pinjaman Kerajaan ke arah itu akan dibuat untuk meninggikan lagi seperti yang saya katakan tadi penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

### PROJEK SANG KANCIL

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapa banyak kawasan setinggan dalam Wilayah Persekutuan sehingga hari ini yang telah termasuk dalam projek Sang Kancil, anggaran bilangan penduduk yang menerima faedah dan sejauh manakah projek ini telah berjaya membasmi kemiskinan dan menggerakkan kegiatan-kegiatan menambahkan pendapatan. Nyatakan berapa banyak wang yang dibelanjakan setakat ini untuk projek tersebut sejak penubuhannya dalam tahun 1978 dan apakah cara yang digunakan untuk menilai projek bagi memastikan kesannya.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, sejak projek Sang Kancil bermula pada tahun 1978 sehingga tahun 1983 ianya telah menelan belanja sebanyak \$1,130,166. Jumlah ini tidak termasuk bantuan kewangan dari agensi-agensi antarabangsa seperti UNICEF. Ketika ini projek Sang Kancil dijalankan di 13 kawasan iaitu sebanyak 9 buah di kawasan setinggan dan 4 buah di kawasan bukan setinggan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua penduduk-penduduk di kawasan berkenaan boleh menikmati kemudahan-kemudahan yang ada di bawah projek Sang Kancil dan projek penambahan pendapatan. Pada masa ini seramai

1,247 orang kanak-kanak telah mendapat faedah daripada aktiviti pra-sekolah projek Sang Kancil. Selain dari itu hampir keseluruhan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak kecil yang dilahirkan telah mendapat rawatan dari klinik-klinik Sang Kancil tersebut.

Pada tahun 1983 daftar kedatangan kanak-kanak yang mendapat rawatan di klinik-klinik Sang Kancil adalah sebanyak 10,992 kedatangan dan sebanyak 4,695 kedatangan bagi ibu-ibu mengandung dan selepas mengandung.

Projek-projek penambahan pendapatan diadakan di 5 buah kawasan sahaja dan melibatkan secara langsung seramai 138 penduduk. Projek-projek ini telah berjaya menambahkan pendapatan keluarga antara \$100 hingga \$200 sebulan. Kementerian Wilayah Persekutuan telah menjalankan satu kajian implikasi ke atas tiga buah kampung yang mempunyai projek Sang Kancil pada awal tahun ini.

Kajian dengan cara soal selidik dan interview itu telah dilakukan dengan kerjasama Universiti Hospital dan Universiti Malaya. Hasil kajian ini menunjukkan kejayaan yang menggalakkan dari segi mencapai objektif-objektif projek Sang Kancil itu sendiri.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa terdapat 13 buah kawasan yang telah dapat diberi liputan oleh skim ataupun projek Sang Kancil ini.

Saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat yang berkenaan memandangkan bahawa bilangan setinggan di Wilayah Persekutuan merupakan  $\frac{1}{4}$  bilangan penduduk dalam Wilayah Persekutuan dan memandangkan bahawa masih wujud masalah kemiskinan di kawasan setinggan ini maka adakah pihak

Kerajaan bercadang untuk meluaskan projek Sang Kancil ini?

Dan di samping ini juga saya mendapat tahu sama ada Kerajaan menghadapi masalah kesukaran tentang mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan projek ini dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mencari punca-punca baru supaya masalah peruntukan ataupun kewangan tidak akan menjadi satu masalah yang rumit dalam pelaksanaan projek Sang Kancil ini.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi projek Sang Kancil ini, Kementerian Wilayah Persekutuan bercadang untuk menambahkan bilangan pusat-pusat Sang Kancil daripada semasa ke semasa dan program untuk menambahkan bilangan pusat-pusat ini akan berjalan pada setiap tahun.

Dan selain daripada itu program Sang Kancil ataupun projek Sang Kancil ini akan diperluaskan kepada bidang-bidang yang lain termasuklah satu bidang yang dianggap penting dari segi membasmi kemiskinan ataupun menghadapi masalah kemiskinan di kawasan bandar iaitu dengan menumpukan perhatian kepada pelajaran dan suasana bagi pelajar-pelajar yang datangnya daripada keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah.

Sepertimana yang kita sedia maklum bahawa dalam kawasan-kawasan atau kampung-kampung setinggan ada terdapatnya suasana atau keadaan sekeliling yang mungkin tidak menggalakkan kepada pelajar-pelajar untuk mengikuti pelajaran dan kerja rumah kerana keadaan yang begitu sesak dan tidak tersebut. Maka salah satu rancangan yang sedang disusun oleh Kementerian saya di bawah projek Sang Kancil ini ialah untuk menyediakan kemudahan asrama bagi pelajar-pelajar yang

datangnya daripada keluarga-keluarga miskin dan berpendapatan rendah supaya mereka bolehlah duduk dan menginap di asrama yang berkenaan pada masa hari biasa dan pulang ke rumah masing-masing pada hari cuti dan dengan cara ini bolehlah disediakan kemudahan-kemudahan pelajaran bagi membantu mereka mencapai kejayaan yang lebih baik lagi kerana melalui pelajaran sahajalah dapat ditingkatkan persediaan mereka untuk suatu masa depan yang lebih mencabar.

Walau bagaimanapun, sepertimana kita sedia maklum projek-projek ini semuanya memerlukan kewangan dan setakat ini pihak yang mengendalikan projek Sang Kancil ini telah pun dijadikan sebagai sebuah badan bukan Kerajaan (Non-Governmental Organisation) dan menerima pembiayaan bukan sahaja daripada pihak Kerajaan tetapi juga daripada badan-badan swasta dan badan-badan serta pertubuhan-pertubuhan yang lain.

Selain daripada itu adalah sedang dirancangkan satu cara bagi projek Sang Kancil ini dibiayai daripada punca-punca lain daripada Kerajaan dan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sedang merancangkan untuk mewujudkan sebuah Yayasan bagi membiayai projek Sang Kancil ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

## KURIKULUM BARU SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH—BANTUAN

6. Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa dalam melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah-sekolah Rendah, nampaknya

pihak Kementerian Pelajaran hanya menekankan bantuannya kepada tahap satu di tahun pertama sahaja sedangkan bantuan-bantuan sangat kurang diberikan pada tahun-tahun kedua dan kemungkinan tahun ketiga pada tahun 1985. Adakah Kementerian sedar kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah akibat daripada kekurangan bantuan dalam melaksanakan KBSR di tahun kedua dan seterusnya. Dan apakah langkah-langkah yang patut diambil bagi mengatasi kesulitan-kesulitan tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, adalah susah untuk saya menyetujui alegasi Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran menekankan pemberian bantuannya kepada tahap satu sahaja.

Kementerian Pelajaran adalah menyediakan peruntukan purata sebanyak \$5,000 bagi sebuah sekolah rendah di Semenanjung dan \$7,000 bagi sebuah sekolah rendah di Sabah dan Sarawak setiap tahun untuk pembelian bahan-bahan pembelajaran, mengendalikan kursus, pengesanan dan bimbingan di semua tahun.

Selain dari itu Kementerian Pelajaran juga membekalkan banyak bahan-bahan seperti buku-buku bantuan untuk guru, buku kerja dan buka bacaan untuk murid dan kit-kit pelajaran juga di semua peringkat.

Bantuan bukan material juga diberikan kepada guru dalam bentuk bimbingan dan khidmat nasihat melalui Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan guru-guru, kakitangan penting.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa

kemudahan-kemudahan untuk menjayakan KBSR ini memerlukan perpustakaan dan peti-peti TV seperti "Close circuit TV, Audio Visual" dan sebagainya? Adakah Kementerannya berusaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan ini di semua sekolah?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, yang menyediakan kurikulum KBSR ialah Kementerian Pelajaran, maka sudah tentulah Kementerian Pelajaran dan saya sendiri pun sedar bahawa tugas kita ialah untuk menyediakan apa yang diperlukan ini.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terlalu berat tanggungan kerajaan untuk melaksanakan dasar sekolah bantuan penuh Kerajaan, adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar sekolah bantuan penuh ini iaitu dengan mengenakan yuran pelajaran kepada murid-murid.

Soalan kedua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah rupa bentuk bantuan yang diberikan kepada murid-murid kelas KBSR ini?

Adakah bantuan itu diberikan mengikut per kapita murid keseluruhan matapelajaran ataupun bantuan itu mengikut per kapita murid berdasarkan kepada mata-mata pelajaran yang tertentu. Jadi berapakah jumlah bantuan per kapita murid pada tiap-tiap tahun di kelas KBSR ke tahun satu, tahap satu dan yang seterusnya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama yang sedikit terkeluar daripada soalan asal, sekolah bantuan penuh itu kita belum ada dasar yang lain dan kita tidak berniat untuk menukarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh jawab kepada bahagian kedua itu.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab bahagian pertama itu secara tak langsung.

Bahagian yang kedua ialah cara detilnya tak dapatlah saya beri jumlah peruntukan per kapita bagi tiap-tiap murid tetapi umumnya jika murid-murid melebihi tiga kelas peruntukan itu adalah lebih daripada \$5,000 di Semenanjung Malaysia dan sekiranya di Sarawak dan Sabah ianya ialah melebihi \$7,000.

#### WANG KERTAS PALSU MALAYSIA

**7. Tuan Abdul Rahman bin Suliman** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang palsu yang telah dapat dikesan oleh Kerajaan. Jumlah wang yang bernilai dan berapakah yang paling banyak dikesan;
- (b) dari negeri manakah wang ini dicetak dan berapa ramai yang telah ditangkap; dan
- (c) adakah Kerajaan akan meminda undang-undang yang ada sekarang supaya hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pencetak dan pengedar wang palsu ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang kertas palsu Malaysia yang telah dapat dikesan dalam tempoh 10 tahun sehingga pada 5hb Oktober, 1984 ialah sebanyak 51,163 keping yang bernilai \$2.14 juta. Jenis nilai yang paling banyak dapat dikesan ialah wang kertas \$50 yang berjumlah 76 keping.

Walau bagaimanapun, jumlah wang kertas palsu tersebut tidaklah banyak

jikalau berbanding dengan matawang dalam edaran yang berjumlah \$6.39 billion seperti pada 30hb September, 1984. Kebanyakan wang palsu tersebut telah dapat dikesan sebelum ianya diedarkan, dan setakat ini belum dapat dipastikan lagi dari negeri manakah wang palsu tersebut dicetak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1980 sehingga kini, pihak Polis telah menangkap dan membawa ke mahkamah seramai 64 orang yang terlibat dalam kegiatan wang palsu tersebut. Dari jumlah ini, seramai 25 orang telah dijatuhkan hukuman penjara di antara enam bulan sehingga dua tahun manakala seorang telah dibebaskan dan 38 lagi masih menunggu perbicaraan.

Mengikut Kanun Keseksaan atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Penal Code, orang-orang yang didapati bersalah mencetak dan mengedar wang palsu boleh dikenakan hukuman denda dan penjara sehingga 20 tahun. Hukuman yang ada dalam undang-undang sekarang adalah dianggap berat dan mencukupi. Oleh yang demikian, adalah tidak perlu membuat pindaan ke atas undang-undang yang berkaitan.

**Tuan Hassan bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah di antara wang palsu ini hanya wang palsu yang lama sahaja dan wang palsu yang baru adakah sudah mulai beredar dalam negara kita? Dan saya ingin tahu juga, jumlah wang palsu yang sudah dapat dikesan sejak 10 tahun yang dahulu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan yang kedua itu telah dijawab, Yang Berhormat.

**Dato Dr Tan Tiong Hong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan soalan pertama, kenapa

ramai wang palsu adalah terdiri dari wang lama dan bukan wang ringgit yang baru, ini ialah oleh kerana berkenaan wang ringgit baru, beberapa langkah keselamatan untuk mencegah wang palsu telah diambil dan langkah keselamatan yang dibuat setakat ini ialah dengan mengeluarkan wang kertas baru yang mempunyai ciri-ciri keselamatan tambahan seperti tanda pandang tulis di hadapan dan belakang dan juga tanda bayang potret Yang di-Pertuan Agong yang pertama bagi menggantikan kepala harimau dalam wang kertas lama. Ciri-ciri inilah yang dapat membezakan antara wang kertas tulen dengan wang kertas palsu. Pada setakat ini belumlah dapat dimaklum wang kertas jenis ini telah dipalsukan.

### BENGGEL LOGAM DI LEMBAH KINTA

8. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menyatakan sama ada bengkel-bengkel (foundries) yang sedia ada sekarang di dalam dan di sekitar bandar Ipoh yang mana "casting" dan "forging" adalah diketahui umum dan boleh memakai faedah sebagai pekilang-pekilang sokongan untuk mengeluarkan alat-alat gantian "precision" bagi industri-industri berat dan sama ada Kementeriannya akan menolong foundri-foundri yang telah sedia wujud ini dengan bantuan-bantuan kewangan dan teknik untuk dikhaskan dalam teknologi proses dengan mengambilalih jentera-jentera "automated" untuk menggantikan perkakas yang mudah sebagai gantian daripada mengadakan foundri-foundri timbaltindeh dalam kawasan perusahaan HICOM di Batu Tiga.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, bengkel-bengkel logam (foundries)

yang wujud di Lembah Kinta telah pun beroperasi sebagai industri sokongan, yang mengeluarkan berbagai keluaran untuk keperluan lombong-lombong timah, industri pembinaan, industri memproses getah dan minyak kelapa sawit, serta industri-industri pengilangan yang lain.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, di antara tujuan utama bagi menubuhkan industri berat ialah untuk mendorong pembangunan industri sokongan di negara ini. Foundri-foundri yang wujud yang telah pun mempunyai kemahiran dan kemudahan asas memang sudah tentunya boleh membekalkan barang-barang dan perkhidmatan sokongan untuk industri-industri berat ini, jika mereka mengambil tindakan-tindakan untuk memoden dan mengubahsuai foundri-foundri mereka.

Dalam hal ini Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan untuk menggalak foundri yang wujud ini memoden dan membesarkan kilang-kilang mereka. Antara galangan-galangan yang diberikan oleh Kerajaan ialah Elaun Pelaburan Semula yang diberikan sebanyak 25% bagi perbelanjaan ke atas loji, mesin-mesin dan juga bangunan perindustrian jika mereka membesar atau memodenkan kegiatan mereka. Kerajaan juga telah memahami bahawa adalah penting foundri ini mempunyai kebolehan teknik yang sesuai untuk menyokong industri-industri berat ini, dan dengan itu telah pun mencadangkan untuk menubuhkan sebuah "Foundry Technology Centre", dengan izin, di SIRIM bagi memberi perkhidmatan teknik kepada mereka yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir).*

## PEMINDAHAN PENDUDUK

**10. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan taburan penduduk yang rendah di Sabah dan Sarawak berbanding dengan di Semenanjung sekarang, adakah Kerajaan bercadang hendak mengadakan rancangan pemindahan penduduk dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak bagi menjayakan konsep kependudukan negara.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan rancangan pemindahan penduduk dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak dapat menjadi persoalan. Ini adalah memandangkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah negeri-negeri di Malaysia. Penduduk-penduduk sama ada dari Semenanjung ataupun Sabah dan Sarawak mudah dan bebas keluar masuk dan menetap di mana-mana negeri di Malaysia. Fenomena pergerakan penduduk dari satu negeri ke satu negeri yang lain ataupun penghijrahan antara negeri dalam Malaysia merupakan satu proses yang berterusan hasil dari pembangunan sosio-ekonomi.

## KTM—KEMALANGAN ATAS LANDASAN

**11. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah kemalangan yang menyebabkan kematian yang berlaku di atas landasan Keretapi Tanah Melayu dalam tahun 1980, 1981, 1982, 1983 dan hingga akhir Jun 1984. Apakah punca yang menyebabkan kemalangan itu. Apakah ikhtiar serta langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian untuk mengurang atau

mengelakkan kemalangan-kemalangan seperti itu daripada berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kemalangan yang menyebabkan kematian yang berlaku di atas landasan Keretapi Tanah Melayu dalam tahun 1980 hingga akhir Jun 1984, adalah seperti berikut:

1980 .. .. .	33 orang
1981 .. .. .	31 ..
1982 .. .. .	50 ..
1983 .. .. .	35 ..
1984 (hingga akhir bulan Jun)	25 ..

Hasil daripada penyiasatan Polis dan juga keputusan oleh Mahkamah, punca utama yang menyebabkan kematian itu berlaku ialah disebabkan kelalaian orang ramai. Ikhtiar serta langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pengangkutan dan juga pihak KTM untuk mengurang atau mengelakkan kemalangan-kemalangan seperti itu daripada berlaku lagi ialah dengan cara melalui media massa.

Di samping itu langkah-langkah untuk mencegah orang awam melintas landasan di dalam kawasan stesen keretapi dilaksanakan dengan membuat pengumuman melalui alat-alat pembesar suara dan melarang orang ramai melintas landasan.

Pihak KTM juga telah melancarkan suatu rancangan dinamakan "Sahabat KTM", iaitu perjumpaan di antara wakil KTM dengan penduduk-penduduk di perkampungan dan kawasan sekitar landasan keretapi.

Selain daripada itu, pihak KTM juga mendapatkan kerjasama daripada pihak Polis untuk mengambil

tindakan seterusnya kerana melintas landasan keretapi adalah menjadi kesalahan di bawah Ordinan Keretapi 1948.

Walaupun kemalangan itu tidak dapat dihindarkan semua sekali, ianya dapat dikurangkan.

## HARGA SAYUR-SAYURAN

**12. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar kerana harga sayur-sayuran terlalu murah, kaum tani terpaksa mengambil tindakan berkumpul untuk memusnahkan lebih daripada 1,000 pikul tanaman mereka dan sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu Ibu Pejabat Pengedar Hasil Tanaman agar kepentingan kaum tani akan dapat terpelihara.

21-11-84

**2. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan bahawa beberapa bulan yang lalu penanam-penanam sayur terpaksa membuang sayur-sayuran mereka ke sungai kerana harga yang rendah yang ditawarkan oleh orang-orang tengah dan sebaliknya orang-orang tengah ini pula mendapat untung yang lebih berganda apabila menjualnya kepada penjual-penjual sayur di pasar-pasar, apakah langkah yang diambil oleh FAMA untuk membantu penanam-penanam sayur (yang bilangannya semakin hari semakin kurang kerana kesukaran mendapat tanaman untuk menanam sayur) memperolehi harga yang baik bagi hasil tanaman mereka. Adakah beliau bercadang hendak mendirikan gerai-gerai di tiap pasar dalam negeri ini untuk mengedar sayur-sayuran terus kepada penjual-penjual sayur di pasar-pasar supaya penanam-penanam sayur ini dapat harga yang baik bagi hasil mereka.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini saya mohon kebenaran supaya soalan Ahli Yang Berhormat dari Setapak bertarikh 21hb November ini juga saya jawab sekali gus.

Kementerian sememangnya menyedari bahawa disebabkan berlakunya kelebihan bekalan sayur-sayuran di pasaran baru-baru ini, ramai petani-petani telah mengalami kesulitan memasarkan hasil sayuran mereka. Masalah ini adalah masalah yang bermusim di mana harga sayur-sayuran biasanya rendah pada bulan Julai setiap tahun. Bagi tahun ini pula masalahnya lebih rumitkan oleh kerana petani-petani terlalu menumpukan kepada satu jenis tanaman sayur-sayuran sahaja seperti sawi. Kelebihan pengeluaran sayur-sayuran ini menyebabkan harga bahan tersebut turun dengan rendah sekali.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah dan sedang mengambil beberapa langkah demi kebajikan para penanam-penanam sayur. Langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) memberi nasihat kepada petani-petani supaya mempelbagaikan kegiatan tanaman dan merancang pengeluaran tanaman berasaskan keperluan dan keadaan pasaran semasa.
- (ii) membantu petani-petani memasarkan hasil tanaman mereka dengan mengadakan kemudahan-kemudahan pasar-pasar petani di kawasan pengguna seperti di beberapa tempat strategik di sekitar pusat-pusat bandar.
- (iii) meminta kerjasama pihak berkuasa tempatan membantu

masalah pemasaran yang dihadapi oleh penanam-penanam sayur itu.

Bagi perancangan jangka panjang, satu Jawatankuasa Perhubungan Sayur-sayuran Kebangsaan telah ditubuhkan yang dianggotai oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam industri tersebut yang terdiri dari pengeluar-pengeluar, perantara-perantara pemasaran, pemeroses, pengilan, pengguna dan juga badan-badan Kerajaan.

Dengan adanya jawatankuasa ini perancangan yang teliti dapat dibuat bagi memperbaiki pemasaran sayur-sayuran itu iaitu melalui program meluaskan ruang pasaran yang sedia ada dan mencari ruang pasaran baru, mempergiatkan usaha-usaha khidmat pemasaran dan perkembangan pasaran.

Oleh yang demikian, Kementerian Pertanian tidak bercadang untuk menubuhkan satu Ibu Pejabat Pengedaran hasil Tanaman.

### BAHASA IBAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

**13. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang menjadikan bahasa Iban sebagai salah satu bahasa dalam Sukatan Pelajaran Sekolah untuk negeri Sarawak kerana hampir 40 peratus penduduk-penduduk negeri Sarawak terdiri daripada orang Iban; jika tidak mengapa.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, soal menjadikan bahasa Iban sebagai salah satu bahasa dalam sukatan pelajaran sekolah untuk negeri Sarawak atau sebaliknya tidak harus timbul kerana bahasa ini sudah lama diajar di sekolah rendah dan menengah. Peruntukan bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa

ibunda murid dalam Akta Pelajaran 1961 meliputi juga bahasa Iban. Peruntukan waktu untuk pengajaran bahasa Iban dalam waktu sekolah diadakan asalkan terdapat tidak kurang dari 15 murid yang memohon dan terdapat guru suku bangsa Iban yang berkemampuan dan sanggup mengajar bahasa tersebut. Suka saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini kita belum lagi bercadang hendak menjadikan bahasa Iban bahasa wajib untuk digunakan di sekolah dan di upacara tertentu, lebih-lebih lagi menyedari hakikat bahawa ada juga yang belum pandai berbahasa Iban, termasuklah Ahli Yang Berhormat daripada Sibu sendiri (*Tepuk*) (*Ketawa*). Yang saya kkuatiri kejujuran dan keikhlasannya untuk mengemukakan soalan ini dan juga saya kkuatiri sama ada keikhlasan itu hanya di sini sahaja atau untuk kepentingan politiknya sendiri.

### KILANG-KILANG PAPAN—TAPAK

**14. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteriannya untuk mencari tapak-tapak alternatif bagi kilang-kilang papan yang diarah pindah daripada Wilayah Persekutuan.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dimaklumkan kilang-kilang yang mendatangkan pencemaran alam adalah difikirkan tidak lagi sesuai berada di Bandaraya Kuala Lumpur dan telah pun diminta berpindah dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam jangka masa 2 tahun yang akan datang ini. Di masa ini terdapat sejumlah 35 buah kilang papan di Kuala Lumpur. Satu daripada kilang papan tersebut adalah kilang yang tidak berlesen. Kementerian saya telah pun mengeluarkan notis pindah

melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada bulan April 1984 dan kilang papan ini dijangka pindah sebelum akhir bulan April 1986. Adalah dimaklumkan bahawa sebelum arahan ini dikeluarkan, Kementerian saya telah pun mengadakan perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Pahang, Negeri Sembilan dan Negeri Perak dengan tujuan untuk menempatkan semula kilang-kilang papan yang telah pun diarah untuk berpindah daripada Wilayah Persekutuan. Kerajaan Negeri berkenaan telah pun mengenal pasti beberapa kawasan untuk menempatkan semula kilang-kilang yang terlibat dengan arahan yang berkenaan.

Bagi Kerajaan Negeri Selangor pula, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor merupakan salah seorang anggota daripada Majlis Perancangan Lembah Kelang dan beliau telah bersama-sama mengambil keputusan untuk melaksanakan dasar pemindahan kilang-kilang di dalam Wilayah Persekutuan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sejam untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 9 dan 15 adalah diberi di bawah ini).*

## ETIKA KERJA ISLAM

**5. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri memberi butir-butir lanjut mengenai Etika Kerja Islam bagi semua kakitangan Kerajaan dan sama ada beliau sedar penguasaan Etika Kerja Islam akan "alienate" kesensitifan golongan-golongan agama yang lain yang terdapat dalam perkhidmatan awam serta juga rakyat pada keseluruhannya yang akan menyebabkan polarisasi kaum di Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Saya memohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 12-11-84 bersama soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera pada hari ini. Etika Kerja Dalam Islam diperkenalkan adalah bertujuan—

- (i) menerap nilai-nilai Islam ke dalam tatacara perkhidmatan awam, negara dan kehidupan rakyat seluruhnya;
- (ii) menjelaskan pandangan Islam terhadap Ibadah secara meluas;
- (iii) menjelaskan pandangan Islam terhadap pekerjaan;
- (iv) memupuk sifat-sifat ikhlas, amanah, tekun, cekap, bersemangat gotong royong, bersepadu fikiran dalam memajukan diri sendiri, keluarganya, masyarakat dan negara.

Adalah disedari bahawa pernyataan tentang sebahagian daripada nilai etika kerja itu sebenarnya adalah satu kewajipan dalam Islam. Kecenderungan ke arah rasa yang sensitif itu boleh berlaku sekiranya langkah-langkah memperkenalkan etika itu tidak dibuat kerana kaum-kaum yang bukan Islam di negara ini mendapat gambaran yang salah tentang Islam.

Pada masa ini Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri sedang dalam proses menyiapkan satu garis panduan yang diberi nama Etika Kerja Dalam Islam yang bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan awam khasnya dan rakyat amnya, tentang kehendak-kehendak Islam yang wajar disempurnakan. Buku-buku kecil ini akan diedarkan tidak lama lagi.

**PEPERIKSAAN SRP/SPM/  
STPM DI SABAH**

9. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan bolehkah Menteri Pelajaran memberi angka-angka perbandingan untuk peperiksaan SRP, SPM dan STPM di Sabah bagi tahun 1982 dan 1983 dari segi peratus dan bilangan yang lulus.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Angka-angka dari segi peratus dan bilangan yang lulus bagi peperiksaan keseluruhannya hanya ada bagi peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja. Bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), angka-angka peratusan dan bilangan yang lulus hanya terdapat dari segi tiap-tiap matapelajaran kerana peperiksaan STPM bukannya peperiksaan sijil penuh tetapi merupakan peperiksaan sijil terbuka.

Angka-angka perbandingan untuk peperiksaan SRP, SPM dan STPM di Sabah bagi tahun 1982 dan 1983 dari segi peratus dan bilangan yang lulus adalah seperti berikut:

**PEPERIKSAAN SRP TAHUN 1982  
DAN 1983 SABAH (CALON  
SEKOLAH SAHAJA)**

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Calon</i>	<i>Jumlah Lulus</i>	<i>Peratus Lulus</i>
1982	15,686	8,458	53.9%
1983	17,000	8,833	52.0%

**PEPERIKSAAN SPM TAHUN 1982  
DAN 1983 SABAH (CALON  
SEKOLAH SAHAJA)**

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Calon</i>	<i>Jumlah Lulus</i>	<i>Peratus Lulus</i>
1982	6,757	3,136	46.4%
1983	6,816	3,542	52.0%

**PEPERIKSAAN STPM TAHUN 1982 DAN 1983 SABAH  
(CALON SEKOLAH SAHAJA)**

<i>Matapelajaran</i>	<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Calon</i>	<i>Bil. Calon yang lulus</i>	<i>Peratus Calon yang lulus</i>
Kertas Am	1982	277	218	78.70%
	1983	376	255	67.82%
Bahasa Malaysia	1982	178	107	60.11%
	1983	281	212	75.44%
Ekonomi	1982	194	32	16.49%
	1983	246	40	16.26%
Sejarah	1982	167	132	79.04%
	1983	265	208	78.49%
Geografi	1982	114	59	51.75%
	1983	188	67	35.64%
Matematik A	1982	84	46	54.76%
	1983	83	50	60.24%
Biologi	1982	50	29	58.00%
	1983	45	22	48.89%
Kimia	1982	71	33	46.48%
	1983	80	38	47.50%
Fizik	1982	73	22	30.14%
	1983	74	21	28.38%
Lukisan	1982	63	50	79.37%
	1983	88	64	72.73%

## DASAR PANDANG KE TIMUR—KEMAJUAN

15. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Perdana Menteri menerangkan peratus kemajuan yang telah dicapai setelah Dasar Pandang Ke Timur dilaksanakan, oleh kerana didapati Negara Timur terutama Negara Jepun hanya ingin mengaut keuntungan di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Saya ingin menjelaskan bahawa Dasar Pandang Ke Timur ialah satu dasar untuk menyemaikan di kalangan rakyat Malaysia nilai-nilai, etika kerja dan amalan pengurusan di negara-negara Timur yang berjaya. Sebagai contoh dalam usaha membangunkan Malaysia, perkara-perkara yang boleh diteladani adalah seperti kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan, tekanan terhadap meningkatkan daya pengeluaran dan mutu kerja yang tinggi, dan sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang. Kejayaan kita dalam menerapkan nilai-nilai ini di kalangan rakyat adalah menggalakkan.

Sungguhpun demikian adalah agak sukar untuk mengukur peratus pencapaian bagi satu perkara yang "abstract" seperti nilai-nilai dan etika kerja khususnya dalam jangka pendek. Saya yakin bahawa penerapan nilai-nilai dan etika kerja yang sesuai untuk negara kita akan membawa negara kita ke taraf pembangunan yang lebih tinggi.

Dari segi latihan pula beberapa kemajuan telah dicapai setelah Dasar Pandang Ke Timur dilaksanakan. Ini dapat dilihat dari kesediaan pihak Jepun dan Republik Korea menerima dan melatih pelatih-pelatih kita dalam bidang perindustrian dan teknikal serta pengurusan. Pihak Jepun dan Republik Korea juga telah

menyediakan tempat bagi pelajar-pelajar Malaysia untuk mengikuti pengajian dalam bidang-bidang sains dan teknikal di peringkat universiti dan kolej-kolej teknik.

Saya ingin menegaskan bahawa Dasar Pandang Ke Timur bukan bermaksud membeli semua barang dari atau memberi kontrak kepada syarikat-syarikat Negara Timur melainkan tawaran mereka adalah terbaik. Dalam pemberian kerja pun, mereka adalah disyaratkan menggunakan bahan-bahan dan pekerja-pekerja tempatan dan untuk memberikan kerja-kerja sub-kontrak kepada pengusaha-pengusaha tempatan supaya pemindahan teknologi dapat dinikmati.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Ketiga).

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.*

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Jawatankuasa)*

*Maksud B. 13 (Jadual)—*

*Maksud P. 13 (Anggaran  
Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, saya minta Yang Berhormat menggolong ucapan, kerana pada pukul 3.45 petang saya akan minta Yang Berhormat Menteri berkenaan menjawab. Oleh itu, Yang Berhormat ada paling lama 8 minit untuk berucap dan menggolong ucapan. Silakan.

3.38 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Pengerusi, menyambung semula perbahasan saya, saya ingin menyentuh Butiran 3, Program 3.4 mengenai dengan Perundangan.

Tuan Pengerusi, banyak telah diperkatakan mengenai pemakaian Bahasa Malaysia dalam sistem perundangan dan kehakiman kita, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk memperluaskan pemakaian bahasa rasmi ini supaya pembentukan identiti nasional melalui bahasa dapat dicapai. Saya bersetuju dengan langkah ini oleh kerana kita mempunyai satu bahasa rasmi dan sebetulnya bahasa ini kita harus gunakan dalam semua bidang dan aspek kemajuan negara. Malangnya, undang-undang itu adalah satu subjek yang teknikal, mempunyai bahasa tersendiri yang memerlukan satu pendekatan yang tersendiri. Jika kaedah ini tidak dipatuhi, keadilan tidak akan tercapai. Dalam perkara ini, saya ingin membaca satu petikan ucapan Yang Arif bekas Ketua Hakim Persekutuan Tun Suffian, apabila beliau membuka Konfrensi Pegawai kehakiman Malaysia pada tanggal 18hb Julai 1979 di Kuala Lumpur, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya ingin membaca kandungan petikan itu:

*(Dengan izin)* "Next, I would like to mention the use of the National Language. In court, everybody is entitled to use the National Language and this has been so throughout not only since

independence and nobody has ever been stopped from using the National Language and in subordinate courts not only in remote areas where the majority population are Malays, most of you conduct your proceedings in the National Language. The only thing is that it is preferable that your written records should be kept in English, for you deal with the law and the law is a technical subject with its own language and for some time to come it is desirable that lawyers, like doctors, engineers and scientists, should be all fed with English. Even in the High Court, some proceedings are conducted entirely in the National Language, notably in places like Kedah, Perlis, Kelantan and Terengganu, or in those places even non-Malay lawyers are proficient in Bahasa Malaysia. That notwithstanding, we hear from time to time calls from politicians for proceedings in . . . . ."

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat membaca petikan sahaja. Panjang lagikah?

**Tuan Mutang Tagal:** Tidak panjang, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Baik. Sekiranya Yang Berhormat teruskan membaca petikan yang panjang, maksud itu tidak ketara kepada mungkin Ahli-ahli yang tidak berapa memahami bahasa Inggeris, menjadi masalah pula. Saya harap Yang Berhormat ringkas-ringkaskan memberi maksud ucapan itu sahaja. Sila teruskan.

**Tuan Mutang Tagal:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. He goes on to say:

"But we judicial officers know the courts are not a political forum and we are here to seek the truth, usually from two or three conflicting versions of the same event. To even

understand these versions, we have to listen to witnesses. Most witnesses understand the National Language, but even so many of them are more at home in their mother tongue. To do justice, we cannot and should not compel people to give evidence in a language which they are not happy, no matter what politicians outside the courts may say; and indeed the Government has employed, and rightly so, in Peninsular Malaysia, 332 interpreters to help parties and witnesses who prefer to use their mother tongue. Politicians who find themselves in court soon realise that despite what they have previously heard in court they are free to use the National Language and if they happen to be in the dock, they would soon discover that it is routine for everything that goes on in court, no matter in what language, to be interpreted to them as the trial goes on. In that way is justice done . . . . .”

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat. Maksudnya apa yang dikatakan oleh petikan itu ialah . . . . .

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Pengerusi, tidak ada apa-apa keputusan dalam Tertib Mesyuarat untuk menghadkan seseorang Ahli Yang Berhormat untuk membaca tulisan-tulisan dalam bahasa Inggeris khususnya tulisan oleh seorang hakim yang terkenal dan distinguished.

**Tuan Pengerusi:** Bila tidak ada apa-apa dalam Peraturan Mesyuarat, menjadi hak saya menentukan. Yang Berhormat, sila teruskan ucapan.

**Tuan Mutang Tagal:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan berbahasa dalam Bahasa Malaysia.

Kita harus mengambil perhatian tentang hakikat yang telah disarankan

oleh bekas Ketua Hakim Persekutuan ini supaya kita tidak mengambil langkah-langkah yang bersifat gopoh-gapah. Tuan Pengerusi, untuk menentukan pemakaian Bahasa Malaysia ini dapat kita perluaskan di Mahkamah khasnya dan dalam sistem Perundangan dan kehakiman kita amnya, Kerajaan selain daripada mewajibkan penuntut-penuntut undang-undang mempertingkatkan kefasihan mereka dalam Bahasa Malaysia dan juga pengamal-pengamal undang-undang seperti peguam, majistret dan hakim, Kerajaan juga harus menyediakan kemudahan-kemudahan lain supaya pemakaian Bahasa Malaysia ini dapat kita perluaskan.

Setakat ini kebanyakan undang-undang kita masih tertulis dalam bahasa lain seperti bahasa Inggeris. Ada pun undang-undang yang tertulis dalam Bahasa Malaysia, pemakaian bahasa dan pembentukan ayat tidak tepat disebabkan faktor-faktor tertentu. Ini akan mewujudkan situasi di mana keadilan tidak dapat dicapai atau dilaksanakan. Misalnya, Tuan Pengerusi, kebanyakan Laporan Undang-undang, journal Undang-undang dan bahan-bahan lain yang berkaitan yang sedia ada sekarang masih tertulis dalam bahasa Inggeris. Juga Laporan Undang-undang dan Journal dari negara lain . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya fikir Yang Berhormat perlu golong sekarang. Saya ingat boleh menggolong sekarang ini menyatakan bahawa kita perlu beransur-ansur melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam mahkamah-mahkamah kita. Bukankah itu pointnya?

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Pengerusi, tidak panjang lagi, mungkin 2-3 minit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sila golong.

**Tuan Mutang Tagal:** Juga Laporan Undang-undang dan Journal dari negara lain yang digunakan di negara kita seperti, dengan izin, "All England Law Reports" dan sebagainya masih tertulis dalam bahasa Inggeris. Untuk menentukan pemakaian bahasa Malaysia ini diperluaskan, Kerajaan perlu memberi peruntukan yang banyak supaya bilangan penterjemah-penterjemah ditingkatkan untuk menterjemah Laporan-laporan dan Journal-journal dalam bahasa lain kepada bahasa Malaysia.

Untuk permulaan, saya mencadangkan supaya Kerajaan menterjemah, dengan izin, "Malayan Law Journal" kita ke dalam bahasa Malaysia supaya dapat memudahkan mahkamah dan peguam kita dalam mereka melaksanakan tugas mereka serta menjalankan tugas berkaitan dengan pentadbiran keadilan di negara ini.

Langkah-langkah yang berperingkat-peringkat perlu diambil supaya satu keseimbangan dapat kita wujudkan di antara semangat nasionalisme dan keadilan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kehakiman menjawab dan menggolong di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Silakan.

3.48 ptg.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun memberi cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan semasa perbahasan Anggaran Belanjawan tahun 1985 bagi Kementerian Kehakiman di peringkat Jawatankuasa ini.

Semasa menyokong Anggaran Belanjawan bagi Kementerian ini, Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menyentuh tentang kebimbangan atas kehilangan kebebasan di bidang Kehakiman dan kemungkinan terjejasnya "Doctrine of the Separation of Powers", kata beliau, dengan izin, iaitu mengenai pengasingan kuasa pihak Kehakiman (Judiciary), pihak Executive dan pihak Perundangan (Legislative Body) yang diamalkan selama ini.

Saya ingin menegaskan di Dewan Rakyat yang mulia ini bahawa penubuhan Kementerian Kehakiman dalam bentuk yang ada sekarang tidak sekali-kali akan menjejaskan kebebasan Kehakiman kerana sudah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan beberapa peruntukan (provisions) yang memastikan kebebasan kehakiman daripada kemungkinan ianya terjatuh di bawah kawalan atau arahan mana-mana pihak Executive ataupun Legislative.

Bagi membuktikan wujudnya kebebasan yang saya maksudkan itu dan juga sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, terdapat keputusan-keputusan perbicaraan di Mahkamah dalam kes-kes yang melibatkan pihak Kerajaan sendiri, di mana Kerajaan telah kalah. Pihak Kehakiman tidak memihak, dalam ertikata yang lain, ke mana-mana melainkan kepada keadilan semata-mata, sama ada pihak Kerajaan, pihak awam atau pihak swasta.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga menyatakan kesangsian tentang ruang . . . . .

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** (Bangun).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat itu minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat beri jalan?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Baik.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kehakiman menyatakan apakah terjemahan Kementerian Kehakiman dalam bahasa Inggeris. Kalau tidak silap saya, terjemahannya ialah Ministry of Judiciary, lain kalau Kementerian Keadilan maka berlakulah ia Ministry of Justice, tetapi Kementerian Kehakiman kalau tidak silap saya terjemahannya ialah Ministry of Judiciary. Jadi, apa yang saya nyatakan ialah bahawa percampuran Judiciary dengan Executive ini bukan sahaja tidak boleh berlaku, malah gambaran pun tidak boleh diberikan. Saya menyatakan bahawa nama Kementerian Kehakiman itu memberi gambaran (appearance of), dengan izin, seolah-olah Executive sudah pun ada cuba hendak menodai, menjejaskan kebebasan pihak Kehakiman ataupun Judiciary.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa kalau ada sedikit berlainan pendapat tentang istilah dan kalau saya memberi peluang penjelasan demi penjelasan, mungkin kita terbantut dalam perjalanan mesyuarat kita. Tetapi saya mintalah sekiranya Yang Berhormat Menteri hendak menjawab supaya jawapan itu tidak menimbulkan apa-apa yang boleh membangkitkan penjelasan lagi tentang istilah. Sukar kita hendak bereskan bab istilah dalam mesyuarat kita ini. Terima kasih, silakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya itulah sebabnya kita menggunakan ataupun Kerajaan, bukan saya seorang tetapi Kerajaan, telah memutuskan penggunaan terjemahan

Kementerian Kehakiman ini kepada Ministry of Justice dan bukan Ministry of Judiciary; dan Ahli Yang Berhormat dari Sepang sendiri membawa masalahnya sendiri dengan mahu supaya Judiciary, tetapi kita tidak menggunakan Judiciary. Supaya tidak keliru, tidak melibatkan Judiciary itulah sebab kita menggunakan Justice, Keadilan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat ini juga telah menyatakan kesangsian tentang ruang Pejabat Kementerian Kehakiman di Kompleks Mahkamah. Ini sebenarnya saya sendiri telah dengar dan mengambil kira dan mempertimbangkan. Sesudah itu di sini sukalah saya mengambil peluang menyatakan bahawa Kementerian ini semenjak 10hb Oktober 1984, telah mula berfungsi di pejabat barunya iaitu di bangunan yang berasingan daripada Kompleks Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur dan juga Kompleks Sultan Abdul Samad. Pejabat Kementerian ini yang baru ialah tertelak di tingkat 21 dan 22 Bangunan KUWASA (Bangunan Kumpulan Wang Simpanan Sekerja) di Jalan Raja Laut, dekat bangunan Bandaraya di tepi bangunan PKNS dan jika sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Sepang mahu berbincang, silalah datang ke pejabat baru saya.

Selain daripada itu, Kementerian ini adalah diwujudkan dengan tujuan utamanya iaitu untuk memberi khidmat sokongan dalam segala hal pengurusan kewangan, pembangunan personnel ataupun kakitangan, perancangan serta pentadbiran am bagi jabatan-jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Kehakiman, Jabatan Pemegang Amanah Raya, Jabatan Pemegang Harta dan Biro Bantuan Guaman. Oleh itu bagi menghapuskan kesangsian yang telah dibangkitkan itu adalah ditegaskan bahawa Kementerian tidak mencampuri sama

sekali; dan tidak mempengaruhi apa-apa dalam proses kehakiman dan keadilan iaitu apabila Hakim-hakim dan Majistret-majistret menjalankan percabaran dalam mahkamah-mahkamah mereka masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga telah menyarankan supaya kita berbalik kepada amalan yang pernah dilakukan sebelum ini iaitu diwujudkan Kementerian Kehakiman atau Kementerian Undang-undang di mana Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman diletakkan di bawah satu Kementerian dan juga Peguam Negara dilantik di kalangan Wakil Rakyat yang bertaraf Menteri.

Di sini sukalah saya menyatakan bahawa keputusan menentukan sama ada seorang Peguam Negara itu dilantik daripada kalangan ahli politik atau pegawai awam, adalah terserah sepenuhnya kepada budibicara pucuk pemimpin negara, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Peguam Negara sebagai penasihat utama undang-undang kepada Kerajaan dan juga Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh memberi nasihat sama ada secara lisan atau bertulis. Oleh itu beliau tidak semestinya seorang Wakil Rakyat atau seorang Menteri. Walaupun begitu Peguam Negara sekarang ini sentiasa bersedia semasa mesyuarat Jemaah Menteri misalnya untuk memberi nasihat mengenai perkara-perkara undang-undang apabila perlu.

Mengenai Peguam Negara diletakkan di bawah Kementerian Kehakiman, ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan memikirkan buat masa ini, beliau seelok-eloknya bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri sendiri.

Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan soal pengurusan kakitangan atau personnel di Jabatan

Kehakiman dan di Jabatan Peguam Negara terutamanya mengenai pengurusan kakitangan atau personnel Pegawai Undang-undang . . . .

**Tuan Karpal Singh:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat hendak membangkitkan tatatertib mesyuarat atau minta penjelasan?

**Tuan Karpal Singh:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat memberi jalan?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Silakan.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, dalam sistem dahulu Peguam Negara menjadi satu ahli Jemaah Menteri. Selepas pimpinan Dr Mahathir, sekarang beliau bukan menjadi ahli Kabinet. Bolehkah saya tahu sebab-sebab oleh kerana sikapnya sudah bertukar. Dahulu beliau menjadi ahli Jemaah Menteri tetapi sekarang tidak. Bila Pentadbiran Tun Hussein Onn dan juga Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak, beliau sentiasa menjadi ahli Kabinet, bukan sekarang. Saya mahu sebab-sebab oleh kerana sudah bertukar fikiran dalam perkara ini.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Pengerusi, saya kesal yang Ahli dari Jelutong kurang faham. Saya baru juga menerangkan tadi dalam perenggan ke 7 sebab-sebabnya. Jadi minta maaf. Mengenai dengan pegawai undang-undang . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Penjelasan lagi, Yang Berhormat?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Saya rasa sudah cukup. Sebenarnya saya sudah beri penjelasan. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong kurang mengikuti aliran penerangan saya tadi.

**Tuan Pengerusi:** Mengikot Yang Berhormat, Yang Berhormat telah memberikan dalam jawapan itu ada tersurat atau tersirat jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat tadi. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Karpal Singh:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tidak beri jalan. Sila duduk Yang Berhormat.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan bahawa masalah kakitangan kekurangan Pegawai-pegawai undang-undang ini, sekarang sedang diperhatikan dan diharap tidak timbul lagi. Soal lantikan kenaikan pangkat dan juga soal tata tertib pegawai-pegawai ini adalah di bawah kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman yang mana Peguam Negara dan beberapa orang Hakim menjadi ahlinya. Amalan yang pernah dibuat pada masa lalu masih berjalan dengan baik di mana rundingan (*consultation*) diadakan di antara Peguam Negara dan pihak Mahkamah mengenai soal service atau perkhidmatan ini. Dalam soal yang berhubung dengan penempatan dan pertukaran pegawai undang-undang pula, sesuatu keputusan akan dibuat hanya setelah kedua belah pihak bersetuju.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah membangkitkan soal Akta Civil (*Pindaan*) 1984 dan juga soal kekurangan Pegawai Undang-undang. Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa soal berhubung dengan kedudukan Akta Civil (*Pindaan*) 1984 ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan sejelajelasnya di Dewan yang mulia ini pada 15-10-1984 semasa menjawab

pertanyaan perkara yang sama dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberi itu kerana tiada perkara baru yang dibangkitkan, lagi pun saya nampak Tuan Pengerusi sendiri telah memutuskan bahawa hal yang telah diputuskan oleh Dewan dan telah diselesaikan oleh Parlimen tidak harus dibangkitkan balik di dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Pengerusi:** Dalam sidang yang sama.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Dalam sidang yang sama.

Mengenai kekurangan Pegawai Undang-undang, Kerajaan sedang berusaha mencari penyelesaian di samping berikhtiar untuk mengatasi masalah perletakan jawatan di kalangan mereka itu. Saya sangat menaruh perhatian yang berat terhadap kekurangan Hakim-hakim, terutama sekali kekurangan Majistret-majistret di dalam Kementerian Kehakiman, dan baru pagi ini saya berbincang dengan Presiden-presiden Mahkamah Sesyen untuk mengetahui lebih lanjut berapa serius kedudukan mengenai dengan perkara ini. Masalahnya simple atau senang sahaja diberi pengertian:

- (i) tanggagaji bagi Majistret-majistret dan Hakim terutama sekali Majistret-majistret Mahkamah Sesyen, adalah memang agak rendah, terutama kalau dibandingkan dengan apa yang Majistret-majistret ini boleh perolehi sekiranya mereka pergi ke bidang swasta dan menjadi peguam; dan
- (ii) soal fizikal, soal perumahan apabila mereka ditukarkan ke Mahkamah-mahkamah Majistret yang jauh daripada bandar-bandar yang besar.

Saya sekali lagi ingin memberi jaminan bahawa perkara ini sedang saya beri perhatian yang berat dan tertakluk kepada kewangan yang Kerajaan boleh berikan untuk memperbaiki kedudukan ini kita akan memperbaiki seberapa bolehnya.

Berhubung dengan Pegawai-pegawai Undang-undang yang baru-baru ini telah meletakkan jawatannya, sukalah saya menjelaskan bahawa perletakan jawatan seseorang itu dari perkhidmatannya adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Dalam hal pegawai yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini iaitu Encik Christopher Fernando, Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen, Seremban, beliau sebenarnya diluluskan untuk memangku jawatan Tingkatan-tertinggi "F" baru-baru ini dan kalau dibandingkan dengan Perkhidmatan Awam yang lain, kenaikan pangkat setinggi ini dalam jangka masa yang sama iaitu selama 11 tahun adalah merupakan satu kenaikan pangkat yang agak cepat, tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri maklum, Kerajaan baru saya katakan tadi tidak dapat menandingi apa yang ditawarkan oleh pihak swasta dari segi pendapatan yang menyebabkan penghijrahan setengah-setengah Pegawai-pegawai Undang-undang ke sektor swasta.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Labis telah menimbulkan soal penubuhan Mahkamah Tuntutan Civil Kecil. Cadangan Ahli Yang Berhormat ini pernah juga diutarakan oleh Yang Arif Hakim Besar Malaya baru-baru. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa menerima cadangan-cadangan yang bernas dan memberi faedah kepada rakyat. Oleh itu, cadangan yang baik ini sedang dikaji oleh Kementerian ini, dan sebenarnya pagi tadi baru saya bincang dengan pegawai-pegawai di mahkamah.

Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya perkhidmatan Biro Bantuan Guaman diperluaskan lagi. Berhubung dengan cadangan ini, buat masa ini bidangkuasa Biro Bantuan Guaman seperti yang terdapat di dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta Guaman, 1971 adalah mencukupi untuk memberi perkhidmatan guaman kepada pemohon-pemohon bantuan. Bidangkuasa yang ada sekarang sangat luas dan difikirkan memadai buat masa ini. Selain daripada itu, suka juga saya menjelaskan bahawa Kerajaan memang bercadang untuk menambahkan lagi cawangan-cawangan perkhidmatan bantuan guaman yang sedia ada sekarang, selaras dengan perkembangan swasta di bawah Rancangan Malaysia Kelima kelak. Tindakan sedang diambil untuk menubuhkan dua cawangan lagi, satu di Raub, Pahang dan satu lagi di Miri, Sarawak diawal tahun 1985 kelak. Bilangan cawangan dengan ini akan menjadi 18 kesemuanya di seluruh negara.

Berkenaan dengan means test pula sebelum 19-1-1984 orang-orang yang layak mendapat bantuan guaman secara penuh ialah mereka yang tidak mempunyai harta boleh guna yang tidak melebihi \$500 dan pendapatan boleh guna yang tidak melebihi \$750. Namun begitu, kelayakan ini telah dipinda berkuatkuasa mulai 19-1-1984 yang telah menambah kelayakan seseorang pemohon kepada harta boleh guna sebanyak tidak lebih daripada \$1,500 dan pendapatan boleh guna kepada seorang pemohon dinaikkan kepada tidak lebih daripada \$2,500 setahun. Kelayakan pendapatan bagi bantuan tidak sepenuhnya juga telah dipinda iaitu kepada harta boleh guna lebih dari \$1,500 tetapi tidak melebihi daripada \$7,500 dan pendapatan boleh guna dinaikkan kepada lebih \$2,000 setahun, tetapi tidak melebihi \$7,500

setahun. Dari pengalaman dan kajian yang telah dijalankan, pindaan kepada kelayakan seperti yang disebutkan di atas tadi pada masa ini adalah difikirkan memadai.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan yang berlangsung, ada juga disentuh perkara-perkara berkaitan dengan membaiki pentadbiran di Jabatan Kehakiman supaya perjalanannya lebih berkesan. Dalam hubungan ini Ahli Yang Berhormat dari Silam telah menyarankan supaya diadakan satu Majlis Kesedaran (Awareness Council) di Kementerian ini bagi tujuan yang tersebut dan Ahli Yang Berhormat dari Silam, Sabah ini memang sedar mengenai dengan Majlis Kesedaran kerana di Sabah ini satu tahun Parti BERJAYA mengadakan Majlis Kesedaran 3 kali atau 4 kali dan baru sahaja semalam selesai yang ketiga kali pada tahun ini.

Sebenarnya, pada awal bulan September, 1984 ini, saya telah mengumumkan bahawa satu Jawatankuasa menilai semula Kementerian Kehakiman dengan bidang tugas-tugas yang tertentu telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini sedang menjalankan kajian-kajian sistem pentadbiran dan perkhidmatan kehakiman, khususnya di negara kita dan pada keseluruhannya di negara-negara ASEAN dan di negara-negara lain untuk mencari idea-idea baru bagi memodenkan sistem perkhidmatan kehakiman di Malaysia, di mana perlu dan meningkatkan lagi penyelarasan undang-undang untuk membolehkan kerjasama yang lebih erat di antara negara-negara ASEAN. Ini adalah satu matlamat jangka panjang dan akan memakan masa bertahun-tahun.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah menimbulkan soal yang melibatkan permohonan beliau untuk diterima sebagai seorang Peguambela dan

Peguamcara di Semenanjung Malaysia. Sebenarnya, kes ini melibatkan point of law, dengan izin, dan keputusan menolak rayuannya telah pun dibuat di Mahkamah Persekutuan. Mengenai dengan penggunaan ataupun kurang penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah, mahu pun Mahkamah-mahkamah Rendah atau Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung di negara kita ini, sebenarnya dasar Kerajaan ialah untuk melipatgandakan dan mempercepatkan lagi penggunaan bahasa Malaysia di Mahkamah-mahkamah kita, akan tetapi oleh sebab tradisi sistem undang-undang (legal) dan sistem kehakiman kita yang mana telah tradisinya atau latar belakangnya dari dahulu iaitu menggunakan bahasa Inggeris, maka akan memakan masa panjang sedikit untuk kita beralih kepada bahasa Malaysia. Tetapi, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sejak beberapa tahun yang lalu Kerajaan Persekutuan telah mengambil keputusan untuk mempercepatkan penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah kita. Soalnya dan masalahnya ialah kebanyakan Majistret dan Hakim-hakim kita pada ketika ini memang telah mula dengan kepakaran mereka dengan pergi ke institusi-institusi yang masa dahulu kita belum mempunyai universiti-universiti kita yang memberi jurusan-jurusan undang-undang, Universiti Malaya misalnya, maka ini di kalangan mereka akan memakan masa yang lama sedikit, tetapi lama sedikit sahaja saya harap.

Istilah undang-undang pun telah diberi perhatian oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyenangkan mahkamah-mahkamah kita menggunakan terminologi-terminologi, dengan izin, yang teknikal di dalam bidang undang-undang ini. Saya yakin, Tuan

Pengerusi, selang beberapa tahun sahaja daripada sekarang Majistret-majistret dan Hakim-hakim kita akan menjadi fasih di dalam bahasa Malaysia dan akan dapat mengendalikan urusan-urusan kehakiman di dalam bahasa Malaysia.

Sekian sahajalah ulasan-ulasan saya, Tuan Pengerusi, dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli yang telah sudi memberi ulasan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$36,323,900 untuk Maksud B. 13 di bawah Kementerian Kehakiman jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka dan diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$36,323,900 untuk Maksud B. 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,557,420 yang disebutkan dalam Maksud P. 9 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$2,557,420 untuk Maksud P. 9 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Maksud B. 14, B. 15 dan B. 16 (Jadual)—*

*Maksud P. 14 dan P. 16 (Anggaran Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B. 14 hingga B. 16 dan Maksud Pembangunan P. 14 dan P. 16 di bawah Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat ambil masa 20 minit sahaja, boleh?

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Saya akan mencuba, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan!

*4.14 ptg.*

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, saya jangkakan lebih kurang 25 minit.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan peruntukan Belanjawan di bawah Maksud B. 14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, meliputi Butiran 2—Perumahan, Program 2.2 Perancang dan Pembangunan; Program 2.3 Penyelarasan dan Pelaksanaan, pada muka surat 55 dan Maksud P. 14, Butiran 15—Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah pada muka surat 57. Kesemua Butiran-butiran di bawah Maksud B. 14 dan P. 14 yang saya maksudkan itu adalah bertujuan untuk merancang, melaksana dan meningkatkan lagi program perumahan amnya dan perumahan awam dan perumahan kos rendah khasnya.

Tuan Pengerusi, masalah perumahan di negara ini telah pun mencapai satu peringkat krisis pada pandangan saya yang memerlukan kepada perhatian yang serius dan langkah-langkah penyelesaian yang berkesan. Apa yang penting ialah bukan sahaja masalah ini telah berterusan sejak beberapa lama dahulu lagi, tetapi yang lebih pentingnya lagi pada pandangan saya ialah ianya telah meningkat dengan cepat menjadi satu keadaan yang tidak

boleh dibenarkan terus meruncing tanpa akibat-akibat buruk kepada negara dan rakyat. Masalah kekurangan rumah-rumah adalah disebabkan oleh kegagalan kita mencapai matlamat-matlamat pembinaan rumah sebagaimana yang ditetapkan, sama ada oleh sektor awam mahu pun oleh sektor swasta.

Misalnya, dalam RMT, Tuan Pengerusi, sebanyak 284,000 unit rumah yang telah dirancangan telah gagal disiapkan dan di dalam RME pula dijangkakan separuh daripada matlamat yang ditetapkan bagi perumahan kos rendah dijangka tidak akan dapat dilaksanakan. Akibatnya daripada masalah ini adalah jelas di mana kekurangan ini telah menyebabkan beberapa masalah besar dan akan terus menyebabkan masalah ini akan menjadi bertambah runcing.

Yang pertamanya, Tuan Pengerusi, masalah kekurangan rumah telah mengakibatkan pertumbuhan dan perkembangan pesat kawasan-kawasan setinggan di bandar-bandar utama di negara ini dan sebagai contohnya, di Wilayah Persekutuan, keluarga setinggan telah meningkat daripada 36,000 keluarga yang mengandungi 200,000 orang atau 25% daripada jumlah penduduk dalam tahun 1973 kepada kira-kira 400,000 orang atau 40% jumlah penduduk pada masa ini. Masalah ini jika tidak dikawal akan dengan cepatnya menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandaraya yang akan terkenal dengan kawasan-kawasan setinggannya, sepertimana bandaraya-bandaraya lain di negara-negara jiran seperti Jakarta, Bangkok, Manila dan lain-lain. Di samping itu, saya mendapat tahu bahawa Ipoh dianggarkan mempunyai 60,000 orang setinggan yang merupakan 20% jumlah penduduknya, sementara 50,000 orang atau 25% daripada penduduk Johor Bahru adalah dianggarkan terdiri

daripada setinggan. Bandar-bandar besar kita sebenarnya sedang diancam oleh fenomena yang mencemaskan ini.

Akibat dari masalah kekurangan rumah ini juga, Tuan Pengerusi, harga rumah-rumah semua kategori telah pun melambung berkali ganda dalam jangka masa yang singkat ke belakangan ini menyebabkan lebih ramai rakyat, bukan sahaja golongan berpendapatan rendah malah yang berpendapatan sederhana juga tidak mampu memiliki rumah. Sebagai contoh, mengikut satu punca, sebuah rumah teres di Petaling Jaya telah meningkat 3 kali ganda dalam masa 5 tahun yang lalu dan lebih 2 kali ganda dalam tempoh 2 tahun dari tahun 1978 hingga 1980. Harga rumah-rumah murah juga telah meningkat dengan pesatnya dan kesemua itu memberi kesan buruk kepada keupayaan membeli golongan-golongan berpendapatan rendah. Harga rumah-rumah yang dibina oleh GPN misalnya, didapati telah meningkat sebanyak 38% di antara tahun 1980 dan 1981. Pada masa ini kenaikan dianggarkan telah mencapai lebih kurang 50%. Jadi, bolehlah dianggarkan bahawa dalam masa setahun lagi, Tuan Pengerusi, iaitu dalam tahun 1985 pada akhir tempoh RME, harga rumah GPN mungkin akan meningkat sekali ganda.

Dengan hal yang demikian itu, Tuan Pengerusi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan patutlah memandang dengan lebih berat masalah-masalah berhubung dengan perumahan di negara ini dengan memberikan kesegeraan kepada usaha-usaha penyelesaiannya, termasuk usaha-usaha menyusun dasar-dasar dan strategi-strategi yang lebih berkesan untuk menjamin kejayaannya.

Bagi mengatasi masalah setinggan di negara ini saya sukalah mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya

Kerajaan segera menggubal satu dasar setinggan yang komprehensif dan menyeluruh dan menentukan keutamaan masalah setinggan ini yang tinggi dalam pembangunan negara, sekurang-kurangnya bagi Kementerian itu sendiri. Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa bertindak di peringkat tertinggi Kerajaan bagi mengatasi masalah ini dengan lebih berkesan lagi.

Bagi mengatasi masalah kenaikan harga rumah-rumah yang melambung dan mengelak amalan-amalan spekulasi dan lain-lain amalan curang berhubung dengan penjualan rumah-rumah, saya berpendapat masalah ini hanya akan dapat dibendung bilamana kita telah dapat membekalkan secukup-cukupnya rumah kepada rakyat dan kerana itu kita hendaklah memastikan kejayaan terhadap matlamat pembinaan perumahan kita dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Pengerusi, saya merasa bimbang dengan keupayaan kita menjayakan rancangan-rancangan perumahan dalam RME. Di dalam RME sebanyak 923 unit rumah pelbagai kategori telah dimatlamatkan terutamanya di dalam perumahan kos rendah. Persoalan pokok di sini ialah adakah matlamat ini akan dapat dicapai oleh berbagai-bagai pihak yang bertanggungjawab melaksanakannya. Sekiranya matlamat ini gagal dicapai implikasinya terhadap masalah perumahan negara ini tentulah akan bertambah besar.

Di dalam RME peranan sektor awam dan swasta di dalam pelaksanaan projek-projek perumahan kos rendah adalah dikehendaki ditingkatkan lagi tetapi kita tahu bahawa sektor awam tidak mempunyai cukup keupayaan dan menghadapi banyak halangan-halangan untuk meningkatkan pelaksanaannya dan sektor swasta

pula tidaklah begitu tertarik melaksanakan projek program-program perumahan kos rendah.

Di dalam tempoh daripada RMT, daripada 72,137 unit rumah kos rendah yang dimatlamatkan cuma 26,000 unit atau 36% sahaja telah disiapkan pada akhir tempoh masa rancangan tersebut. Bagi tempoh RME pula daripada jumlah 175,000 unit rumah kos rendah dijangka dibina oleh sektor swasta hanya 24,000 atau 13.7% sahaja telah disiapkan dalam tahun 1982. Dengan menggunakan angka 82 iaitu selepas dua tahun RME dilaksanakan. Di samping itu prestasi sektor swasta pula adalah lebih buruk lagi. Sebanyak 90,000 unit rumah kos rendah adalah dimatlamatkan dilaksanakan oleh sektor swasta tetapi sehingga akhir tahun 1982 hanya 8,500 unit atau 9.5% sahaja telah disiapkan.

Tuan Pengerusi, butir-butir yang saya kemukakan di atas menunjukkan dengan jelas bahawa sektor awam terutamanya Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam pelaksanaan program-program rumah awam belum lagi mencapai prestasi yang baik dan memuaskan dan perlulah ditingkatkan lagi di masa-masa akan datang melalui strategi-strategi yang berkesan. Ia juga menunjukkan bahawa rancangan-rancangan perumahan kos rendah belum lagi mendapat sambutan yang menggalakkan daripada sektor swasta sedangkan Kerajaan berhasrat dan menaruh sangat keyakinan serta mempunyai dasar untuk meningkatkan lagi peranan mereka di dalam pelaksanaan projek-projek perumahan kos rendah.

Tuan Pengerusi, bagi membantu mengatasi masalah perumahan kos rendah di negara ini, saya suka mencadangkan beberapa perkara. Pertama peranan sektor swasta hendaklah ditingkatkan lagi. Saya berpendapat masalah untuk memperluas dan meningkatkan lagi

sambutan dan sumbangan yang berkesan di kalangan pemaju-pemaju swasta terhadap pelaksanaan perumahan kos rendah perlulah dikaji dengan lebih teliti, lebih objektif dan lebih rasional, sementara kita bersetuju bahawa sektor swasta juga adalah bertanggungjawab memainkan peranan dan memenuhi tanggungjawab sosial mereka di dalam pembangunan dan terhadap menyelesaikan masalah dan keperluan rakyat negara ini kita perlulah menyedari bahawa bentuk dan had peranan sosial mereka tidaklah sama dengan peranan dan tanggungjawab Kerajaan sendiri.

Sebagaimana yang kita terlebih maklum pelaburan swasta tidak sebagaimana pelaburan awam umumnya dan sangat bermotifkan keuntungan, sangat sensitif terhadap kepada risiko, halangan-halangan dan faktor-faktor yang tidak dapat diramalkan dan di luar daripada kawalan mereka. Mereka biasanya bersikap konservatif dan sangat berhemat menghadapi faktor-faktor kos dan harga yang menentukan keuntungan dan kerugian. Tanggungjawab dan accountability mereka yang pertama dan utama adalah terhadap kepentingan dan keuntungan pelaburan mereka sendiri.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat sambutan pemaju-pemaju swasta yang lembab terhadap projek-projek perumahan kos rendah di negara ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor dan sikap-sikap asas yang saya sebutkan tadi iaitu mereka berpendapat pelaburan di dalam keadaannya sekarang adalah tidak menarik dari segi pulangan atas modal dan tinggi risiko serta mempunyai banyak faktor-faktor di segi incentive, dengan izin.

Selain dari masalah menggunakan tanah mereka yang terhad dan yang dibeli dengan kos yang tinggi mereka

menghadapi masalah kos pembangunan tapak dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas serta kenaikan kos bahan-bahan binaan yang sentiasa meningkat dan sukar diramalkan yang akhirnya memberi kesan terhadap viability dan keuntungan mereka. Dengan hal yang demikian itu, Tuan Pengerusi, dan terutamanya memandangkan hasrat Kerajaan sendiri serta keupayaan dan potensi yang boleh dimainkan oleh sektor swasta, saya berpendapat bagi menggalakkan dan menyalurkan penyertaan sektor swasta di dalam program rumah kos rendah Kerajaan perlulah mengambil sikap dan pendekatan baru dengan cara menyediakan skim-skim insentif yang sewajarnya. Saya beranggapan sikap kita yang pokok di dalam hal ini ialah bagi kita menyedari bahawa penyertaan sektor swasta di dalam bidang ini adalah diperlukan dan boleh menguntungkan negara dan rakyat. Perkhidmatan ini tentulah ada kosnya kepada mereka dan kita patutlah sanggup membayar dan turut menampung kos ini serta memberikan galakan-galakan dan ganjaran-ganjaran yang sewajarnya di atas perkhidmatan dan sumbangan yang diberikan oleh mereka kepada negara dan rakyat.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat di dalam hal ini kita patutlah memakai prinsip yang digunakan bagi kita menggalakkan perindustrian di negara ini di mana kita ada menyediakan berbagai-bagai skim galakan insentif kepada pelabur-pelabur dari dalam dan juga luar negeri. Malahan bagi menarik pelaburan ke kawasan-kawasan yang kurang maju dan kurang menarik, kita ada menyediakan skim locational incentive, dengan izin, yang bertujuan untuk menarik pelaburan ke kawasan-kawasan yang kurang maju itu dan skim ini didapati telah banyak membawa kejayaan kepada kita

sehingga kawasan-kawasan yang pada mulanya dianggap kurang menarik dan tidak menarik telah menjadi lebih menarik kerana skim-skim yang digunakan itu telah membantu menampung keuntungan kepada pelaburan sektor swasta.

Saya mencadangkan bagi perumahan kos rendah Kerajaan patutlah mengkaji dan menyediakan satu skim galakan sebagaimana atau yang dimodelkan kepada skim galakan pelaburan perindustrian yang terdapat di negara ini yang memberikan berbagai-bagai package allowance, pemotongan dan pelepasan cukai dan lain-lain kepada pelabur-pelabur. Cadangan ini pada hemat saya bolehlah dianggap rasional tetapi terpulanglah kepada pengkajian Kerajaan oleh kerana sumbangan dan potensi industri perumahan kepada KDNK negara, pengwujudan peluang-peluang pekerjaan, peluasan penggunaan bahan-bahan tempatan dan mengatasi masalah perumahan negara adalah sangat besar dan boleh menguntungkan Kerajaan dan rakyat. Bagi mencapai tujuan ini syarikat-syarikat pemaju perumahan patutlah ditakrifkan sebagai syarikat-syarikat industri mungkin sebagaimana halnya dengan syarikat-syarikat pengeluaran atau kilang-kilang di negara ini.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, Kerajaan-kerajaan Negeri patutlah juga menyediakan beberapa skim insentif mereka sendiri di samping lain-lain usaha membantu pemaju-pemaju swasta seperti menyediakan tapak-tapak secukup-cukupnya, mengenakan satu kadar yang lebih rendah bagi bayaran premium tanah dan bayaran tukar syarat untuk projek-projek rumah kos rendah, Kerajaan patutlah juga membanyakkan lagi projek-projek rumah awam yang dibuat secara turnkey dan secara penswastaan melalui pemaju-pemaju swasta di negara ini. Saya mengucapkan tahniah

kepada pihak Kerajaan khususnya kepada pihak Kementerian yang sejak kebelakangan ini nampaknya telah memberikan perhatian dan penumpuan yang berat terhadap pelaksanaan perumahan secara penswastaan dan ini adalah satu pendekatan yang menguntungkan dan kurang membebankan Kerajaan daripada segi kewangan.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun saya suka hendak menyeru kepada pihak pemaju-pemaju swasta itu sendiri supaya mereka sendiri hendaklah bersikap lebih sensitif dan bersimpati terhadap masalah-masalah dan keperluan-keperluan perumahan awam kos rendah di negara kita ini dan mereka tidaklah sepatutnya menganggapkan tugas ini dan masalah ini sebagai tugas, tanggungjawab dan masalah yang mesti dipikul dan diselesaikan oleh Kerajaan semata-mata. Mereka hendaklah tidak terlalu mengutamakan dan mementingkan keuntungan semata-mata dan mengambil sikap untuk menimba keuntungan daripada satu-satu projek di dalam jangka masa pendek tetapi mereka hendaklah lebih menumpukan kepada peluang-peluang, kesempatan-kesempatan dan keuntungan-keuntungan pada jangka panjang yang berterusan. Sektor swasta juga perlulah mengambil inisiatif untuk membuat innovation baru, dengan izin, dari segi teknologi dan pendekatan-pendekatan bagi mewujudkan ekonomik yang lebih baik di dalam rancangan-rancangan rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya berpendapat Kerajaan Negeri sendiri hendaklah meningkatkan lagi commitment dan keutamaan serta keupayaan mereka di dalam pelaksanaan projek-projek kos rendah ini dan pihak Kementerian sepatutnyalah memastikan bahawa commitment ini diberikan dengan

sepenuh-penuhnya oleh semua Kerajaan Negeri sebagai pihak berkuasa yang melaksanakan perumahan kos rendah. Salah satu faktor utama menyebabkan prestasi yang kurang memuaskan di dalam program perumahan awam oleh Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan-kerajaan Negeri pada masa ini ialah kerana kurangnya commitment dan strategi yang serius dan berkesan di peringkat negeri-negeri berhubung dengan peruntukan tanah serta perancangan dan pembangunan tapak-tapak projek.

Kerajaan-kerajaan negeri umumnya agak enggan menyediakan tanah secara besar-besaran dan secukupnya untuk projek-projek rumah kos rendah. Tapak-tapak projek umumnya dikesan dan dibangunkan secara *ad hoc*, dengan izin, bila projek-projek diluluskan. Pendekatan begini mengendalakan pelaksanaan projek-projek oleh kerana kebanyakan tanah terpaksa diambil balik dan memakan masa yang lama. Pembangunan dan penyediaan tapak biasanya memakan masa terutamanya kerana tanah-tanah yang diperuntukkan bagi projek-projek perumahan awam bukanlah tapak atau kawasan yang lazimnya yang terpilih tetapi biasanya tapak-tapak yang memerlukan kerja-kerja tanah yang banyak seperti kawasan-kawasan bukit dan kawasan-kawasan rendah yang berpaya.

Penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan masuk, perbekalan elektrik, air dan perparitan juga turut mengendalakan penyediaan tapak dan kerana itu pelaksanaan projek-projek, faktor-faktor ini bukan sahaja menjadi punca kegendalaan dan penundaan projek-projek daripada jadual asalnya tetapi juga implikasi-implikasi kos yang boleh merugikan. Memandangkan masalah ini saya sukalah

menganjurkan supaya Kerajaan-kerajaan negeri hendaklah memberikan suatu "commitment" dan menggunakan strategi baharu dalam menyediakan tapak-tapak perumahan awam khasnya perumahan awam kos rendah.

Saya suka menganjurkan supaya Kerajaan Pusat melalui Kementerian menggesa Kerajaan-kerajaan negeri mengambil sikap yang serius bagi mewujudkan bank tanah atau land bank, dengan izin, bagi keperluan projek-projek perumahan dalam jangka panjang. Dengan cara yang begini keperluan perancangan dan pembangunan tapak serta perancangan penyediaan dan perbekalan kemudahan-kemudahan asas bolehlah dibuat dengan lebih teratur dan dimajukan terlebih dahulu di mana tapak-tapak yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan infrastruktur telah pun tersedia dan tidak lagi menimbulkan kegendalaan bila mana projek-projek hendak dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya adalah mencadangkan supaya konsep kawasan-kawasan perindustrian yang terdapat di seluruh negara ini yang tidak asing lagi bagi kita itu juga digunakan di dalam melaksanakan program perumahan awam di negara ini. Di dalam konsep kawasan perindustrian yang menjadi satu strategi yang berkesan bagi pembangunan perindustrian di negara ini kawasan-kawasan yang secukupnya dikesan, dirancang dan dibangunkan lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas terlebih dahulu sebagai perediaan penempatan kilang-kilang yang diluluskan dari semasa ke semasa.

Strategi ini bukan sahaja didapati menarik perhatian bakal-bakal pelabur kerana tapak-tapak telah tersedia dan mereka tidak payah mencari dan membangunkan tapak

serta menunggu perbekalan kemudahan-kemudahan asas yang memakan masa yang lama tetapi sebenarnya adalah lebih ekonomik dan menyelamatkan kos oleh kerana tapak-tapak tersebut telah dibangunkan terlebih awal ketika kos masih rendah.

Saya berpendapat sekiranya konsep ini digunakan bagi perumahan awam dan juga bagi rancangan perumahan pada umumnya kita bukan sahaja akan dapat memperoleh faedah-faedah dan keuntungan-keuntungan sebagaimana yang saya sebutkan tadi tetapi juga lebih penting lagi dapat mewujudkan kawasan-kawasan kependudukan yang lebih terencana, lebih besar dan lebih viable serta boleh menjadi asas kepada pengwujudan pusat-pusat tempatan ataupun "local centres", dengan izin, yang baharu yang mampu memberikan asas ekonomi yang boleh mewujudkan lain-lain peluang sampingan kepada rakyat seperti peluang-peluang perniagaan, perkhidmatan, pekerjaan dan lain-lain.

Bagi mencapai strategi mewujudkan bank tanah bagi tapak-tapak perumahan awam berdasarkan konsep kawasan-kawasan perindustrian ini saya mencadangkan Kerajaan patutlah mewujudkan satu Skim Pinjaman Khas sebagaimana diamalkan di dalam pembiayaan pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di negara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, dengan kenaikan harga rumah iaitu isu yang seterusnya yang saya hendak bangkitkan di sini kos pembangunan tapak dan infrastruktur serta terutamanya barang-barang binaan Kerajaan telah menghadapi satu delima di mana di dalam menentukan standard perumahan awam kos rendah di negara kita ini. Kenaikan kos-kos ini

yang tidak selaras dengan peningkatan pendapatan dan kemampuan rakyat berpendapatan rendah telah menyebabkan standard rumah-rumah awam kos rendah telah diturunkan beberapa kali dari masa ke semasa. Daripada segi konsep dan saiz rumah, keluasan lot dan juga taraf infrastruktur, lain-lain cara yang telah digunakan termasuklah langkah-langkah bagi menambah density rumah di atas tapak dengan mendirikan rumah-rumah teres, rumah-rumah pangsa dan kondominium-kondominium.

Sungguhpun cara-cara ini boleh diterima bagi mewujudkan ekonomik kegunaan tanah dan sesuai di tempat-tempat tertentu, saya berpendapat kos akan terus juga meningkat dan masalah kemampuan golongan-golongan miskin akan terus juga kekal di masa-masa yang akan datang.

Saya sebenarnya merasa bimbang sekiranya standard rumah-rumah awam kos rendah yang sudah pun pada pandangan saya berada di tingkat minima pada masa ini akan diturunkan lagi pada masa akan datang untuk menyesuaikan kenaikan kos dengan kemampuan golongan berpendapatan rendah ini. Jika ini berlaku, Tuan Pengerusi, rumah-rumah awam kos rendah akhirnya akan menjadi rumah-rumah yang sub-standard dan rancangan-rancangan perumahan yang sub-standard pada masa ini dan haruslah akan menjadi sub-standard pada masa yang akan datang bila mana negara kita telah bertambah maju.

Pada masa ini kita mendapati setengah-setengah projek perumahan kos rendah seperti "cluster houses", dengan izin, dan "co-houses" dengan izin juga, telah pun digunakan sebagai satu eksperimen untuk mengatasi masalah ini dan kita tahu eksperimen ini telah mendatangkan hasil-hasil yang kurang baik.

Saya meminta supaya standard rumah-rumah dan rancangan perumahan awam kos rendah hendaklah tidak diturunkan lagi di masa-masa akan datang bukan sahaja memastikan bagi penghuni-penghuni dan pemilik-pemilik akan mempunyai rumah yang agak selesa tetapi juga bagi menjaga mutu kawasan-kawasan perumahan dan kependudukan golongan berpendapatan rendah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah cukup, bolehkah golong?

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Dalam masa dua minit, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ialah tetapi itu sudah lebih daripada 20 minit tadi.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya golong. Bagi mengatasi masalah kenaikan kos rumah tanpa menjejaskan standard rumah-rumah kos rendah dan kemampuan pembeli-pembeli berpendapatan rendah, saya suka hendak mengesyorkan supaya sistem bayaran ansuran harga rumah secara "graduated" ataupun "graduated repayment system", dengan izin, dipakai di negara kita ini sebagaimana halnya dipakai di Korea di mana satu kadar bayaran ansuran yang rendah dikenakan diperingkat awal dan dinaikkan pada suatu tempoh masa yang akan datang sehingga semua bayaran harga rumah dijelaskan dalam tempoh 25 tahun.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sungai Besi.

4.39 ptg.

**Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk

membahaskan peruntukan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jumlah peruntukan bagi Kementerian ini untuk tahun hadapan ialah sebanyak \$414.9 juta yang terdiri dari \$103.2 juta untuk perbelanjaan mengurus dan \$311.5 juta untuk perbelanjaan pembangunan.

Saya merujuk kepada B. 14 muka surat 55, Butiran 1.1 Pentadbiran, Kod 1000—Emolumen, 2000—Perkhidmatan dan Bekalan.

Tujuan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, antara lain, ialah untuk memastikan perancangan yang menyeluruh dan teratur supaya program perumahan negara kita adalah seimbang dengan keperluan perumahan rakyat. Menurut Belajawan tahun 1985 Kementerian ini akan merancang dan menentukan segala aktiviti-aktiviti yang ada di bawahnya berjalan dengan lancar serta menyumbangkan kepada pencapaian matlamat Kementerian iaitu memajukan lagi bidang perumahan di negara ini. Walaupun tujuan-tujuan ini adalah murni, namun prestasi Kerajaan dalam perkara ini adalah tidak memuaskan sama sekali.

Menurut Laporan Ekonomi 1984/1985, permulaan pembinaan rumah-rumah dijangka berkurangan pada tahun ini. Pada tahun ini, bilangan rumah yang dibina di Wilayah Persekutuan umpamanya dijangka kekurangan sebanyak 20% kepada 5,807 unit setelah mengalami kejatuhan sebanyak 9.5% pada tahun lalu. Ini bermakna untuk tahun lalu dan tahun ini sahaja, kekurangan pembinaan rumah-rumah di Wilayah Persekutuan adalah sebanyak 29.5%.

Jumlah lesen iklan perumahan yang diluluskan pula kepada pemaju perumahan tahun ini telah berkurangan sebanyak 7.2% iaitu dari

151 permit dalam tempoh lima bulan pertama tahun 1983 kepada 141 permit untuk tempoh yang sama dalam tahun ini. Melalui permit-permit ini, sebanyak 21,831 unit rumah telah diluluskan untuk dibina pada tahun ini berbanding dengan 22,245 unit untuk tahun lepas iaitu kekurangan sebanyak 414 unit.

Bilangan rumah kos rendah yang akan dibina di Wilayah Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 17.2% kepada 3,702 unit. Ini adalah tidak mencukupi kerana permintaan bagi rumah kos rendah adalah tinggi di Kuala Lumpur. Selain daripada memenuhi keperluan penduduk-penduduk asal Wilayah Persekutuan, terdapat juga orang-orang dari lain-lain negeri yang telah berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan dan sebagainya.

Maka dengan sebab itu, permintaan bagi rumah khasnya rumah kos rendah semakin menjadi mendesak dan rumit. Adalah menjadi hak setiap rakyat mendapat sebuah rumah untuk berteduh dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan yang memerintah untuk menyediakan rumah-rumah yang cukup kepada rakyatnya. Disebabkan ini, adalah amat dikesalkan bahawa Kerajaan hanya memberi kurang \$300 juta untuk kegiatan perumahan untuk tahun hadapan. Peruntukan ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan kos pembinaan Kompleks Dayabumi yang telah menelan belanja hampir \$400 juta.

Kerajaan hendaklah memberi keutamaan tinggi kepada sektor perumahan dan mengurangkan perbelanjaan sektor-sektor lain serta membatalkan projek-projek mewah dan bersifat gajah putih dan menyalurkan wang tersebut ke arah pembinaan rumah-rumah khasnya rumah kos rendah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh B. 14, muka surat 56, Butiran 2.6 program pengawasan dan penguatkuasaan, Kod 1000 Emolumen.

Dalam tahun 1983, sebanyak 1,156 kes aduan telah diterima oleh Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan dan daripada ini hanya 439 kes sahaja telah selesai dan masih terdapat sebanyak 717 kes yang masih berada dalam tindakan. Dalam tahun 1982 pula, sebanyak 1,431 aduan telah diterima dan sebanyak 795 daripadanya telah diselesaikan dan pada tahun 1981 pula jumlah kes aduan yang diterima ialah sebanyak 1,131 dan hanya 582 daripadanya telah diselesaikan. Ini bermakna jumlah kes aduan yang tidak diselesaikan untuk tempoh 1981 hingga 1983 ialah sebanyak 1,902.

Saya tidak tahu sebab-sebab sebenar mengapa Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan mengambil masa yang begitu panjang untuk menyelesaikan aduan-aduan yang dibuat kepadanya. Sekiranya kelewatan ini disebabkan kekurangan pegawai-pegawai, maka Kerajaan hendaklah menambahkan peruntukan bagi bahagian tersebut untuk memastikan bahagian tersebut boleh menjalankan tugasnya dengan cepat dan cekap.

Bidang perumahan adalah satu bidang di mana terdapat banyak aduan mengenai pemaju-pemaju yang tidak membina rumah-rumah dalam masa yang ditetapkan atau membina rumah-rumah yang tidak sempurna dan tidak sampai mutu. Pengawasan yang lebih ketat haruslah diadakan ke atas pemaju-pemaju untuk memastikan bahawa rumah-rumah yang dibina adalah bermutu.

Di sini ingin saya bangkitkan kes yang berlaku di Taman Orkid Desa yang terletak dalam kawasan saya.

Pembeli-pembeli rumah berderet dua tingkat telah diberitahu oleh pemaju berkenaan iaitu Pembangunan Orkid Desa Sendirian Berhad bahawa rumah-rumah mereka sudah siap untuk didiami dan mereka telah diminta mengambil kunci rumah mereka dari pemaju berkenaan.

Tetapi apa yang mendukacitakan ialah Sijil Kelayakan (Certificate of Fitness) bagi rumah-rumah tersebut belum lagi dikeluarkan. Tambahan pula, jalan atau access road ke setiap rumah belum lagi dibina. Bekalan air dan elektrik pun tidak ada. Pembeli-pembeli yang terlibat telah membayar bayaran yang dikehendaki mengikut perjanjian tetapi pihak pemaju tidak menepati janji mereka. Saya minta Kementerian Perumahan menyiasat perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pembeli yang terlibat itu.

Saya juga menyentuh B. 14, Butiran 3 Kerajaan Tempatan, muka surat 56, Kod 1000 Emolumen. Pada masa ini, Ahli-ahli Majlis Perbandaran semuanya dilantik dan tidak dipilih. Pilihanraya Majlis Tempatan telah ditangguh dalam tahun 1965 atas alasan konfrontasi. Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman telah berjanji bahawa pilihanraya ke Majlis-majlis Tempatan akan diadakan sebaik sahaja keadaan mengizinkan. Pada tahun 1971, Suruhanjaya Di-Raja di bawah mendiang Athi Nahappan telah mengesyorkan supaya pilihanraya tempatan diadakan sejajar dengan amalan demokrasi dan kehendak rakyat jelata. Tetapi Kerajaan menolak perakuan yang dibuat oleh suruhanjaya tersebut dan terus membatalkan pilihanraya kepada Majlis-majlis Tempatan.

Akibat ini, Ahli-ahli Majlis Perbandaran telah dilantik. Mereka tidak lagi bertanggungjawab secara

langsung kepada rakyat tetapi hanya kepada tuan mereka iaitu Kerajaan yang memerintah. Dengan ini beberapa daripada tindakan dan dasar yang diamalkan oleh Majlis-majlis tersebut adalah bertentangan dengan kehendak dan cita-cita rakyat.

Hanya seorang Ahli Majlis Perbandaran atau Majlis Tempatan yang dipilih akan memahami hasrat dan kehendak rakyat jelata dan bukan orang-orang yang dilantik yang tidak mempunyai sebarang hak moral untuk mentadbir Majlis-majlis Perbandaran dan Tempatan.

Demi untuk memulihkan demokrasi peringkat bawahan iaitu grass-root democracy, maka saya mencadangkan bahawa pilihanraya Majlis Tempatan diadakan dengan secepat mungkin sejajar dengan hasrat dan cita-cita rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Lumut.

4.50 ptg.

**Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai P. 14, Butiran 12—Rancangan-rancangan Perumahan Kampung Baru.

Tuan Pengerusi, apa yang sangat memeranjatkan ialah satu sen pun belum dibelanjakan bagi tahun 1981 hingga tahun 1983 untuk perumahan Kampung-kampung Baru, sedangkan jumlah anggaran projek sebanyak \$8,150,000 juta telah diperuntukkan baginya.

Tuan Pengerusi, masalah perumahan di Kampung-kampung Baru telah menjadi semakin rumit kerana pertambahan bilangan penduduk. Ini disebabkan keluasan kawasan-kawasan Kampung-kampung Baru masih kekal seperti 35 tahun dahulu. Tetapi bilangan penduduknya sudah semakin bertambah.

Tuan Pengerusi, saya pernah pun membangkitkan masalah ini dalam Dewan yang mulia ini dua tahun dahulu dengan meriwayatkan satu keluarga yang anggotanya berjumlah 20 orang yang terpaksa tinggal dalam sebuah rumah kecil. Jadi, bagi pihak penduduk-penduduk Kampung Baru di seluruh Malaysia, saya berharap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan bersungguh-sungguh berusaha ke arah meninggikan taraf hidup orang-orang Kampung Baru.

Satu langkah permulaannya ialah menugaskan Institut Penyelidikan Perumahan Negara yang terletak di bawah Kementeriannya menjalankan soal selidik yang rapi mengenai kesesakan penduduk di Kampung-kampung Baru.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk menyentuh P. 14, Butiran 2—Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang melancarkan kempen “Negara Bersih, Rakyat Sihat”. Tetapi apabila saya menjelajah ke Kampung-kampung Baru, baik di Pahang, Negeri Sembilan ataupun di Perak, ada satu gejala yang terang-terang bertentangan dengan cogan kata Kerajaan tadi. Yang saya maksudkan ialah keadaan-keadaan di kawasan Kampung-kampung Baru adalah amat kotor. Kita tidak payah pergi jauh, hanya enam batu dari Bangunan Parlimen ini ada sebuah Kampung Baru Ampang. Ia adalah satu contoh yang ternyata. Longkang tidak dicuci, sampah bertimbun, lalat berkeliaran, jalan berlubang-lubang.

Tuan Pengerusi, apabila soalan mulut saya dikemukakan mengenai hal ini pada awal tahun ini, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menafikan tanggungjawabnya dengan memberi jawapan masalah ini adalah di bawah

bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, masalahnya ialah prestasi Majlis-majlis Daerah yang terletak di bawah jagaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kalau Yang Berhormat Menteri bersungguh-sungguh mengambil berat mengenai masalah kebersihan ini, saya tidak nampak kenapa Ibu Pejabat Kerajaan Tempatan yang terletak di bawah Kementeriannya akan mengabaikan tugas-tugasnya dalam mengendalikan masalah kebersihan baik dalam Kampung-kampung Baru atau di kawasan-kawasan yang digezet. Pada hemat saya, kesemua masalah ini berpunca daripada pembubaran Lembaga-lembaga Kerajaan Tempatan kerana dengannya semua Kampung-kampung Baru adalah dikendalikan terus oleh Majlis-majlis Daerah. Masalah pokoknya ialah hampir 90% Majlis-majlis Daerah mengalami kekurangan tenaga kerja, kekurangan kewangan dan kekurangan kelengkapan. Jadi, ia ternyata tidak mampu mentadbirkan Kampung-kampung Baru dengan sempurna dan cekap.

Tuan Pengerusi, satu jalan keluar ialah melalui penubuhan badan-badan yang serupa dengan bentuk Lembaga-lembaga Kerajaan Tempatan dahulu selari dengan konsep “quality control circle”, dengan izin, yang akan membantu Majlis-majlis Daerah dalam mentadbir kawasan-kawasan Kampung-kampung Baru dengan cekap dan sempurna.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya suka juga bercakap mengenai B. 14, Butiran 1—Projek-projek di kawasan Penguasa-penguasa Tempatan. Di sini saya ingin merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Menteri pada 12hb Oktober, 1984 kepada pertanyaan mulut saya mengenai garis panduan untuk meluluskan peruntukan wang bagi

projek-projek kecil di Kampung-kampung Baru. Jawapannya berbunyi, dengan izin, saya petik:

“Peruntukan wang bagi projek-projek kecil di Kampung-kampung Baru adalah berasaskan kepada keperluan-keperluan dan kepentingan setempat dan semasa. Semasa mempertimbangkan sesuatu permohonan bagi projek yang berkaitan Kementerian saya juga memastikan bahawa projek-projek yang diluluskan akan memberi faedah yang maksima kepada masyarakat Kampung Baru tersebut.”

Maksud saya mengemukakan soal itu mengenai garis panduan adalah kerana kebanyakan Kampung-kampung Baru tidak menerima setitik pun peruntukan wang itu sejak tiga tahun dahulu. Misalnya, Kampung-kampung Baru di kawasan saya iaitu Lumut, baru dua minggu kebelakangan ini saya terdengar juga sungutan bahawa kawasan-kawasan tertentu di Perlis mengalami nasib yang sama. Di sini, Tuan Pengerusi, saya ada satu petikan akhbar yang mengatakan, Yang Berhormat Menteri telah mencurahkan sebanyak \$10 juta kepada kawasan Pilihanrayanya iaitu Muar dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini.

Bagi Negeri Perak secara berturut-turut tahun demi tahun kawasan-kawasan seperti:

Bagan Datok  
Telok Intan  
Batu Gajah  
Menglembu; dan  
Tanjung Malim

diberikan peruntukan projek-projek yang begitu banyak. Tuan Pengerusi, oleh sebab cara pemberian itu yang tidak seimbang, kita tidak boleh lari daripada perasangka bahawa garis

panduannya ialah kalau ada phantom memberi MCA atau ahli-ahli palsu MCA peruntukan akan diberikan. Semakin banyak phantom memberi MCA semakin besar peruntukannya.

**Tuan Yew Foo Weng:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada seorang Ahli Yang Berhormat bangun.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Boleh.

**Tuan Yew Foo Weng:** 36 (1). Seseorang Ahli hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan. Jadi, masalah di depan kita ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maka masalah phantom memberi MCA tidak bersabit dengan perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi percakapannya itu ada bersangkutan dengan kerana banyaknya duit yang dicurahkan pada mana-mana satu tempat itu, tetapi saya mintalah Yang Berhormat itu jangan membuat satu-satu teguran yang memberi salah faham.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Pengerusi, sebelum saya memberi penjelasan kepada Yang Berhormat itu, saya ingin bertanya kepadanya, adakah beliau mewakili . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak minta Yang Berhormat bertanya apa-apa. Sila teruskan ucapan Yang Berhormat itu.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Terima kasih. Sebab saya tidak mewakili ahli-ahli palsu di sini.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, kita telah ditanya oleh penduduk-penduduk Kampung Baru

kenapa kebanyakan penduduk di kawasan-kawasan tertentu tidak dapat duit dan penduduk-penduduk di kawasan tertentu dapat duit yang begitu banyak, tetapi ini ada kaitan dengan masalah ahli-ahli palsu yang baharu sahaja dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tadi.

Tuan Pengerusi, jadi saya berharap perkara pembahagian wang peruntukan kepada Kampung Baru akan diperseimbangkan pada tahun-tahun yang akan datang. Dan dengan itu, saya menyokong peruntukan yang dipohon. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Jerantut.

5.13 *ptg.*

**Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 14, Butiran 2 daripada 2.1 hingga kepada 2.7, di muka surat 55 dan juga 56. Dan juga serentak dengan itu Maksud Pembangunan 14, Butiran 13 dan 15.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini telah menjalankan program perumahan khususnya melaksanakan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan menurut tujuan program perumahan ini yang pertama ialah merancang program perumahan kos rendah di seluruh negara. Yang keduanya, memberi khidmat nasihat dan juga bantuan teknik kepada Kerajaan Negeri. Yang ketiga, menyelaras program perumahan sektor awam dan swasta dan yang keempat, menjalankan penyelidikan dan pengumpulan data berkaitan dengan perumahan. Tuan Pengerusi, prestasi aktiviti yang berikut ataupun perumahan kos rendah adalah seperti berikut: Pada tahun 1983 sebanyak 19,692 rumah kos rendah telah dibina. Pada tahun 1984 sebanyak 25,612 buah rumah dan anggaran bagi tahun 1985 ialah 92,543.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin bangkitkan di sini adalah beberapa masalah walaupun saya sendiri sedar bahawa Kementerian dari masa ke semasa telah memperbaiki keadaan pembinaan perumahan kos rendah seperti yang baharu sahaja dibentangkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus tetapi masalah-masalah yang seterusnya menjadi masalah-masalah yang belum lagi dapat diselesaikan, adalah saya berpendapat perlu juga diambil kira oleh Kementerian dalam soal merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ini.

Pertamanya, ialah dari segi pelan bangunan rumah ini kebanyakannya dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri iaitu pembinaan rumah-rumah kos rendah yang sangat kecil.

Saya berpendapat rumah-rumah yang kecil ini adalah tidak bersesuaian dalam keadaan-keadaan tertentu dan secara kebetulan saya pun tidak faham mengapa kebanyakan yang berpendapatan rendah di luar bandar ini mempunyai keluarga yang sangat ramai. Jadi, dengan rumah yang kecil tentunya mewujudkan keadaan yang tidak selesa bagi penghuni rumah itu dan juga keluarganya. Jadi, saya berharap Kementerian dapat memberikan garis panduan ataupun kalau tidak berapa berkesan garis panduan ini mengadakan satu peraturan tetap kepada Kerajaan Negeri supaya menggunakan pelan-pelan yang telah disediakan oleh Kementerian.

Saya mendengar, kalau tidak silap saya pagi tadi ataupun semalam, temuramah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Radio menyatakan bahawa memang Kementerian ada menyediakan beberapa pelan-pelan rumah dan terpulanglah kepada Kerajaan negeri

menerima ataupun melaksanakan yang mana satu. Tetapi demi untuk kebaikan seluruh penerima-penerima rumah ini, saya berpendapat kita ketatkan sedikit peraturan dan tetapkan yang mana satu yang lebih sesuai pada pandangan Kementerian.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan masalah aktiviti skim pinjaman perumahan, pada tahun 1985 ini mengikut anggarannya skim ini diberikan peruntukan sebanyak \$403,600, dan pada tahun 1984 \$488,100. Tujuan aktiviti ini ialah untuk memberi peluang kepada rakyat dari golongan berpendapatan rendah membina dan membaiki rumah sendiri melalui kemudahan skim ini dengan kadar bayaran balik yang telah ditetapkan mengikut kemampuan mereka. Saya berpendapat peruntukan seperti ini perlulah ditambah lebih banyak supaya ianya dapat melibatkan lebih ramai peminjam-peminjam dan seterusnya memberi faedah yang lebih banyak kepada ramai peminjam-peminjam yang memerlukannya.

Selain daripada itu, kita juga berharap pelaksanaan kumpulan wang ini yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dijalankan dengan begitu cekap semuga pembayaran balik dapat dikutip mengikut jadual dan seterusnya kumpulan wang ini akan dapat lebih lagi banyak memberikan kemudahan kepada pengguna-pengguna yang lain.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, ialah berkait dengan pelaksanaan rumah murah juga khususnya rumah murah kos rendah ialah dari segi penyelenggaraan. Penyelenggaraan saya maksudkan ialah setelah pembinaan kos rendah ini kalau ianya di dalam kawasan Majlis Daerah ataupun Penguasa Tempatan

adalah terdapat sedikit penyelenggaraan beberapa kemudahan berkaitan seperti longkang, jalan dan sebagainya. Tetapi jika kawasan perumahan kos rendah ini di luar Penguasa Tempatan, soal penyelenggaraan merupakan kerumitan yang timbul dan berpanjangan tidak dapat diselesaikan, oleh kerana pihak Penguasa Tempatan tidak boleh mengadakan penyelenggaraan kerana bukan daripada kawasanya. Jadi kawasan perumahan yang di luar kawasan Penguasa Tempatan ini berterusan mendatangkan masalah. Pihak Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai peruntukan bagi menyelenggara kemudahan-kemudahan yang berkait dengan kawasan ini.

Jadi saya berharap Kementerian dapat memikir serta mewujudkan satu peruntukan khas, peruntukan penyelenggaraan kawasan rumah awam kos rendah dan peruntukan penyelenggaraan ini mesti diadakan pada tiap-tiap tahun bagi menjamin supaya kawasan-kawasan rumah itu dapat diselenggarakan dengan baik.

Perkara yang seterusnya, Tuan Pengerusi, ialah berkait dengan soal takrif bagi penerima-penerima rumah kos rendah. Saya tidak berniat untuk membahaskan di segi dasar, saya cuma meminta perhatian Kementerian. Pada masa ini pendapatan ataupun had pendapatan bagi mereka yang berhak mendapat rumah murah ialah ke bawah daripada \$700. Soalnya sekarang ialah dari semasa ke semasa kita harus mengkaji had ini supaya ianya bersesuaian dan memberikan gambaran yang sebenarnya dalam soal gaji, mengikut keadaan inflasi dan keadaan ekonomi negara.

Saya berpendapat di sini had \$700 adalah sangat kecil dan ini menyebabkan beberapa golongan yang berpendapatan rendah, lebih

daripada \$700, tidak berpendapatan tinggi, tidak dapat menikmati ataupun tidak berhak mendapat rumah murah. Jadi saya mencadangkan supaya kalau dapat ditambahkan had ini menjadi lebih kurang \$900 sebulan. Orang yang bergaji seperti itu boleh menerima ataupun berhak mendapat rumah murah.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, begitu juga tentang masalah pembelian rumah. Saya mencadangkan di sini oleh kerana rumah awam kos rendah berharga ke bawah daripada \$25,000, saya berharap Kementerian boleh mendapatkan kerjasama daripada bank-bank ataupun syarikat kewangan semoga dapat menampung pinjaman 100% kepada golongan berpendapatan rendah ini untuk membeli rumah-rumah murah. Kadang-kadang kita dapati walaupun mereka pada masa ini terpaksa membayar 10% pendahuluan yang berjumlah sebanyak lebih kurang \$2,500 pun ada yang tidak mampu; kalau yang sangat berpendapatan rendah. Jadi saya berpandangan, Kementerian boleh membuat sesuatu supaya institusi kewangan boleh membantu menyediakan pinjaman 100% kepada pembeli-pembeli rumah murah yang layak.

Tuan Pengerusi, perkara yang seterusnya berkait dengan perumahan murah ini ialah yang pernah saya bangkitkan dalam Dewan ini, iaitu berkenaan dengan penggunaan kawasan-kawasan lapang di rancangan perumahan kos rendah. Perkara ini saya bangkitkan sekali lagi ialah kerana tidak adanya suatu dasar yang boleh menjamin kawasan-kawasan lapang ini dibangunkan ataupun dimajukan menjadi tempat-tempat rekreasi dan kawasan-kawasan lapang itu ada, tiap-tiap kawasan perumahan kos rendah ada dibuat kawasan lapang, dengan izin, open space, yang bertujuan untuk digunakan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan

rekreasi dan lain-lain, tetapi kerana peruntukan seumpama itu tidak disediakan, baik oleh Kementerian mahu pun oleh Kerajaan Negeri, maka biasanya kawasan seperti ini akan ditumbuhi lalang, semak, tidak dipelihara dan sebagainya.

Jadi saya berpendapat adalah baik kalau Kementerian dapat memikirkan sama ada memberikan panduan kepada Kerajaan Negeri bila membuat rumah kos rendah, bila ada kawasan lapang, mesti dimajukan juga dengan taman permainan kanak-kanak dan sebagainya, menepati tujuan tanah lapang itu diadakan.

Tuan Pengerusi, saya sekarang ingin menyentuh Maksud B. 14, Butiran 1 dan 2 iaitu projek-projek di kawasan Penguasa Tempatan, dan yang kedua bantuan khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan, secara bersekali.

Tuan Pengerusi, terdapat lebih kurang 92 Penguasa-penguasa Tempatan di dalam negara kita dan dalam proses penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan ini kita telah dapati sehingga tahun 1984 sebanyak 89 Penguasa-penguasa Tempatan telah disusun semula, hanya bakinya sebanyak 3 lagi belum disusun semula.

Perkara yang saya hendak kemukakan dalam perbahasan ini ialah pertamanya berkenaan dengan masalah dari segi kutipan hasil di dalam kawasan Penguasa-penguasa Tempatan ataupun Majlis Daerah. Kutipan hasil seperti cukai pintu dan cukai-cukai yang berkait yang merupakan hasil utama kepada Penguasa Tempatan. Kita dapati seperti baru sebentar tadi rakan saya dari Lumut menyatakan, boleh dikatakan kebanyakan Penguasa-penguasa Tempatan dalam negara kita ini hasilnya tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Tetapi daripada kajian ringkas saya

berkenaan dengan masalah ini, didapati bukan soal hasil tidak cukup, tetapi hasil tidak dikutip dengan baik, hasil tidak didapati sepenuhnya, ramai yang tidak membayar cukai pintu, ramai yang tidak membayar cukai-cukai hiburan dan sebagainya, ataupun tunggakan cukai-cukai ini terlalu tinggi.

Jadi satu perkara yang saya perhatikan di sini ialah dari segi soal pihak Penguasa Tempatan ini ataupun sistem mereka mengutip cukai, pada pendapat saya tidak berapa betul. Maksudnya, kebanyakannya mengharapkan orang ramai dengan secara sukarela, dengan secara senang hati datang ke pejabat membayar cukai pintu ataupun cukai-cukai yang lain.

Jadi saya berpendapat di sini dan saya suka mencadangkan supaya satu arahan dibuat oleh Kementerian kepada seluruh Penguasa-penguasa Tempatan mengadakan satu sistem, di antaranya menggunakan sistem memberi penyata bayaran bulanan kepada semua rumah-rumah dalam Penguasa Tempatan, semua kedai-kedai, industri-industri perusahaan dalam kawasan Penguasa Tempatan ini supaya mereka ingat berapa hutang mereka, berapa tunggakan mereka dan ini diberikan secara berterusan. Jadi bila mereka ingat bahawa mereka ada tunggakan, ada cukai yang belum dibayar; mereka akan segera membayarnya kerana mereka tahu Penguasa Tempatan juga mempunyai undang-undang dan peraturan, boleh mengambil tindakan mahkamah ataupun memberhentikan lesen perniagaan dan sebagainya kepada mereka.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah berkait dengan penyelenggaraan juga. Oleh kerana kekurangan kewangan pihak Penguasa Tempatan ini, maka soal

penyelenggaraan kemudahan-kemudahan awam di dalam kawasan Penguasa Tempatan, misalnya penyelenggaraan pejabat-pejabat Kerajaan, dewan orang ramai, jalan raya, bangunan-bangunan, longkang, padang permainan dan sebagainya di dalam kawasan ini sangatlah rendah mutunya. Jadi ini adalah perkara yang sangat penting kerana ia berkait dengan imej Kerajaan, baik Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat, kerana rakyat mengharapkan satu perkhidmatan yang lebih baik. Kebiasaannya yang kita dapati hari ini, banyak lagi perkara-perkara belum dibaiki ataupun penyelenggaraan ini tidak dapat dibuat kerana kekurangan peruntukan. Oleh itu Kementerian dapat memainkan peranan yang penting supaya Penguasa-penguasa Tempatan ini dapat membaiki keadaan ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi ialah berkenaan jawatan Yang Di-Pertua Majlis Daerah yang menjadi ketua pentadbir di Majlis Daerah. Saya berpandangan jawatan ini perlu diasingkan segera. Sekarang ini dipangku atau jawatan ini dipegang oleh Pegawai Daerah. Saya mendapati Pegawai Daerah telah terlalu banyak tugas. Yang Di-Pertua Majlis Daerah ini perlu diasingkan dan diberi kepada orang lain supaya ia dapat menumpukan kepada tugas-tugas Majlis Daerah.

Berkenaan dengan Penguasa Tempatan ini, yang akhirnya ialah berkaitan dengan pengluasan kawasan-kawasan Penguasa Tempatan. Semenjak penyusunan semula ini, kita dapati kawasan-kawasan Penguasa Tempatan ini diluaskan sehingga meliputi bukan sahaja di bandar-bandar tetapi di sepanjang jalan-jalan yang difikirkan perlu oleh Penguasa Tempatan sehinggalah ia melibatkan kampung-kampung. Apa yang saya ingin

membangkitkan masalah di sini ialah, dengan luasnya kawasan Penguasa Tempatan ini, oleh kerana kurangnya pula perkara-perkara yang dapat diberi oleh Penguasa Tempatan sebenarnya membebankan rakyat daripada luar bandar. Saya tahu kawasan ini iaitu di tempat saya, beberapa kampung yang dahulunya kampung biasa di tepi jalan, sekarang ini telah menjadi kawasan Majlis Daerah. Walaupun perkhidmatannya tidak ada daripada Majlis Daerah, tiada angkut sampah, tiada perkhidmatan membersihkan longkang dan sebagainya, akhirnya mereka terpaksa membayar beberapa bayaran yang lebih tinggi daripada kawasan asal kelmarin, misalnya cukai-cukai tanah yang lebih tinggi. Apabila Kerajaan Negeri mengenakan cukai tanah, cukai tahunan dan sebagainya, berdasarkan kawasan sama ada dalam Majlis Tempatan ataupun di luar. Jadi kampung-kampung yang jauh ini pada akhirnya, dahulunya menikmati takrif luar bandar, sekarang menikmati takrif dalam Penguasa Tempatan dan bebannya ini adalah sangat tidak adil, pada pandangan saya kerana bukan kehendak mereka. Tetapi kalau Majlis Daerah boleh memberikan perkhidmatan yang serupa seperti dalam bandar, tidak mengapa. Jadi jalan penyelesaian terpulang kepada Penguasa Tempatan, sama ada pertama, ia boleh memberikan perkhidmatan seperti di bandar dan mengekalkan kampung-kampung ini di dalam Penguasa Tempatan, atau keduanya, mengeluarkan kampung-kampung ini daripada Penguasa Tempatan dan kawasan itu menikmati balik taraf mereka seperti sebelumnya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudah cukup masa 20 minit. Bolehkah golongkan?

**Wan Abu Bakar bin Mohamad:** Boleh, Tuan Pengerusi, tiada masalah. Tuan Pengerusi, kerana banyak sangat

lagi ucapan yang saya hendak buat, jadi saya tidak tahu hendak mengolngkan, jadi saya menyokong peruntukan Kementerian ini dan saya akan bercakap di lain masa.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat dari Ipoh. Lepas ini saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab, kerana kita telah pun ketinggalan dalam schedule kita.

*5.24 ptg.*

**Tuan Peter Chin Gan Oon (Ipoh):** Tuan Pengerusi, pelan struktur Ipoh sedang dalam persiapan. Sebuah Unit Perancangan Struktur Ipoh telah ditubuhkan untuk menjalankan usaha perancangan yang sebenar. Ahli-ahli unit ini terdiri daripada mereka yang berkhidmat dalam Jabatan Perancang dan Desa Persekutuan. Saya tidak tahu sama ada peruntukan wang sebanyak \$2,035,700 bagi Butiran 2—Perancangan Kawasan Bandar di bawah B. 15, muka surat 63, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa termasuk pendapatan bagi ahli-ahli Unit tersebut. Sama ada ia dimasukkan atau tidak, saya merasai peruntukan lebihan perlu dibuat kepada perkara Butiran 2, bagi tujuan membekalkan lebih sumber-sumber wang demi kegunaan Unit tersebut.

Saya bercakap sedemikian sebab dalam Pameran Publik Sulong mengenai laporan kajian, didapati kebanyakan daripada data-data yang dikumpulkan oleh Unit itu memperlihatkan perbezaan yang besar serta serius dalam maklumat-maklumat yang disediakan. Dalam pada itu maklumat-maklumat yang disediakan pasti boleh menjejaskan usaha pengurusan pelan struktur yang muktamad. Oleh itu tabung wang yang banyak perlu disediakan demi membolehkan Unit itu mengumpulkan data-data yang sesuai dan lebih tepat dengan yang

selanjutnya. Banyak maklumat-maklumat penting mungkin telah ketinggalan semasa usaha pengumpulan data bagi kali pertama dilakukan.

Tuan Pengerusi, tumpuan saya dikhususkan kepada kekurangan dalam usaha penyelidikan ke atas penduduk-penduduk miskin di kawasan bandar. Seperti yang kita sedia maklum, penduduk-penduduk ini membentuk satu bahagian yang besar dalam keseluruhan penduduk Ipoh. Sukar sekali untuk membayangkan hasil keputusan yang diperolehi setelah perancangan yang dilakukan itu dibuat tanpa menitikberatkan sebarang kajian ke atas golongan manusia ini. Masalah-masalah yang berkaitan pasti akan timbul apabila satu masa sudah tiba di mana rancangan pembangunan semula dilakukan ke atas bahagian-bahagian bandar ini yang sudah usang dan layu di mana nescaya terdapat kebanyakan daripada orang-orang miskin yang menetap di sana. Bagaimanakah pihak berkuasa boleh mengurus dengan manusia ini seandainya mereka tidak tahu bilangan orang-orang miskin yang tinggal di sini.

Sebagaimana yang saya faham, setengah-setengah daripada rumah kaedah lama mempunyai bilangan penyewa yang berlipat ganda kadangkala kadangkala sampai 5-6 buah keluarga. Mereka ini telah menetap di sana sejak beberapa generasi yang lepas lagi. Mereka menetap di sana kerana mereka cuma mampu membayar kadar sewaan yang kecil, di mana kadar ini adalah dikawal oleh Akta Pengawalan Sewa (Rent Control Act). Jumlah pendapatan yang diperolehi mereka mungkin sekadar memadai bagi menjamin perlangganan hidup mereka dari hari ke sehari. Oleh itu sekiranya usaha pembangunan semula dijalankan, mereka pasti tidak mampu

untuk pindah ke bangunan-bangunan yang telah dibina semula. Atas sebab ini, maka sebarang pelan struktur yang ada dalam seluruh skim perancangan mesti memberi perhitungan yang wajar kepada kepentingan golongan manusia ini.

Tuan Pengerusi, keadaan ini cuma merupakan salah satu contoh kepada apa yang tertinggal dalam perancangan itu. Memandangkan bilangan rumah haram yang berjumlah sebanyak 2,121 buah, nescaya terdapat banyak kesalahan-kesalahan dan kecurangan lain yang boleh kita jumpai dalam perancangan itu. Angka 2,121 telah diperolehi berdasarkan andaian bahawa bilangan rumah haram di Kampung Bercham hanya 20 buah, perkara ini menjadi lebih nyata lagi memandangkan sebanyak 64 buah rumah haram ada terlibat dalam insiden yang berlaku di Kampung Bercham baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, laporan kajian menunjukkan penghuni-penghuni kampung-kampung baru di sekitar bandar membentuk 20% daripada jumlah besar penduduk Ipoh. Apa yang lebih menghairankan ialah dari satu nisbah besar penduduk-penduduk Ipoh ini ia cuma dituliskan dalam satu perenggan sebanyak 7 barisan dan 50 patah perkataan dalam satu muka surat daripada sebuah laporan kajian yang mengandungi 257 keping muka surat.

Saya mencadangkan supaya kajian-kajian yang lebih menyeluruh dijalankan ke atas isu penting sebegini, yang mana ia membabitkan nyawa seramai 20% orang penduduk Ipoh. Laporan-laporan lanjut mengenai kajian ini lebih mirip kepada masalah kaum bumiputera yang diceritakan dalam hampir 17 buah laporan teknikal. Sungguhpun terdapat satu laporan teknikal telah dihaskan kepada perkara penyertaan

bumiputera, kekerapan sebutan mengenai masalah bumiputera adalah berlawanan sama sekali dengan penerangan yang dituliskan mengenai keadaan hidup golongan miskin di kawasan bandar.

Tuan Pengerusi, keseluruhan kepada apa yang saya nyatakan di sini cuma mencerminkan sebahagian daripada sungutan-sungutan yang telah saya terima dari kawasan saya. Saya telah kumpulkan segala sungutan ini dan menghantarnya kepada pihak berkuasa yang berkenaan dalam bentuk sebuah memorandum dan saya berharap supaya Kerajaan Persekutuan memperuntukkan lebih banyak wang untuk melicinkan perjalanan kajian-kajian yang selanjutnya demi memperbaiki segala kesalahan dan kecurangan yang telah saya sebutkan dalam memorandum saya.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.33 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kelima-lima Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat untuk bangun membahaskan beberapa perkara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, saya ucapkan terima kasih kerana beliau telah membangkitkan beberapa perkara yang rasa saya amat penting berkenaan dengan masalah perumahan di negara kita. Kebimbangan yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah juga kebimbangan kami di Kementerian dan kami di Kementerian sedang berusaha untuk

mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan kebimbangannya mengenai dengan harga rumah yang telah melambung ini, rasa saya kita telah pun meneliti dan mengikuti kenaikan harga rumah ke belakangan ini, tetapi sejak tahun ke belakangan ini, rasa saya boleh kita melihat harga-harga rumah telah pun mula, dengan izin, stable ataupun tidak lagi naik melambung kecuali di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, mungkin oleh kerana permintaan rumah itu adalah lebih daripada bilangan rumah yang ada. Tetapi kalau kita perhatikan di dalam tahun 1984 ini harga rumah di kawasan-kawasan beberapa bandar seperti Ipoh, Johor Bahru, Seremban telah turun kepada satu tahap yang boleh dikatakan berpatutan juga yakni kebanyakannya adalah rumah-rumah harga sederhana di antara \$75,000 atau \$100,000 hingga \$150,000. Harga yang dikatakan mahal di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi mungkin oleh kerana demand dengan izin, adalah lebih, tetapi kami berharap di masa tahun-tahun yang akan datang ini dengan Kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri semasa meluluskan sesuatu projek itu Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mensyaratkan kepada pihak pemaju untuk memperuntukkan, menyediakan atau membina rumah-rumah yang berpatutan atau rumah-rumah harganya itu di dalam lengkungan kemampuan pembeli-pembeli. Dengan itu saya berharaplah di tahun-tahun yang akan datang ini lebih banyak rumah lagi akan dibina di dalam lengkungan kos sederhana iaitu di bawah \$100,000 dan kebanyakan projek-projek rumah yang saya ketahui di peringkat Negeri telah pun disyaratkan oleh Kerajaan Negeri dengan harga dan juga peratusnya bagi rumah-rumah yang dikatakan rumah kos sederhana ini.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkannya tadi, mengenai dengan masalah setinggalan ini, rasa saya sungguhpun perumahan ini di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tetapi berkenaan dengan masalah setinggalan ini adalah masalah Kerajaan Negeri dan juga di kawasan Wilayah Persekutuan adalah Kementerian Wilayah Persekutuan dan saya dapati Negeri-negeri dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun mempunyai strategi-strategi mereka bersendirian untuk mengatasi masalah ini.

Syor-syor Ahli Yang Berhormat untuk mengatasi masalah perumahan di negara ini, saya terima dengan baik dan saya berharaplah kami di Kementerian akan dapat mengeluarkan garis panduan-garis panduan yang akan berkesan di masa akan datang.

Saya mengambil perhatian juga iaitu prestasi swasta itu tidak memuaskan dan kita akan mengambil perhatian tentang cadangannya supaya Kementerian ataupun Kerajaan mengadakan insentif-insentif sepertimana yang telah pun dikatakan tadi supaya memberi mereka galakan untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah terutamanya rumah-rumah kos rendah.

Berkenaan dengan pembayaran rumah pula, apa yang dicadangkan tadi supaya kita mengadakan satu, dengan izin, graduated scale of payment sepertimana yang terdapat di negeri Korea Selatan, saya inginlah menyatakan di sini iaitu memanglah Kementerian dan juga Bank Negara sedang mengambil langkah-langkah supaya dapat bersama-sama dengan institusi-institusi kewangan yang lain untuk menjalankan ataupun mengadakan kemudahan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat juga untuk mengadakan satu skim pinjaman khas, ingin saya hendak menyatakan di sini iaitu Kementerian telah pun mengadakan satu skim bersama-sama dengan Bank Negara di mana di dalam tahun 1981, kalau tidak silap saya, Bank Negara telah pun mengadakan satu skim pinjaman perumahan bagi rumah-rumah kos di bawah \$100,000 dengan kadar faedah (interest rate) sebanyak 10%, dan juga Bank Negara telah pun mengarahkan supaya bank-bank tempatan dan juga institusi-institusi kewangan untuk menghadkan ataupun "allocate", dengan izin, wang sebanyak 15% daripada wang pinjaman mereka itu khas untuk perumahan. Ingin jugalah saya menyatakan di sini bagi mereka yang hendak membeli rumah kos rendah, iaitu \$25,000 ke bawah, memang juga Bank Negara ada mengeluarkan satu arahan kepada bank-bank tempatan untuk memberi pinjaman 100%. Jadi, masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi rasa saya tidaklah berbangkit.

Berkenaan dengan mutu rumah kos rendah yang dibina oleh pihak Kerajaan ataupun pihak-pihak swasta, saya inginlah menyatakan di sini iaitu memanglah hasrat Kerajaan supaya rakyat yang berpendapatan rendah itu tidak akan memiliki rumah-rumah yang mutunya rendah. Apa yang ada sekarang ini adalah harga yang berpatutan dengan mutunya, iaitu dengan harga \$25,000 itulah dapat Kementerian menyediakan rumah sedemikian rupa. Saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, iaitu mutu (standard) rumah ini tidak akan terjejas.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang telah membangkitkan perkara berkenaan dengan kes-kes yang memerlukan perhatian daripada Kementerian, khususnya Bahagian Penguatkuasa, inginlah saya menerangkan kes-kes

yang diterima ini adalah berbagai rupa, seperti masalah kecacatan rumah, kelewatan penyerahan hakmilik, kelewatan penyerahan rumah tanpa api dan air dan lain-lain lagi. Masalah berkenaan secara kasarnya melibatkan masalah pecah kontrak yang rasa saya tidak wajarlah, setelah dikaji, diselesaikan oleh Kementerian sahaja. Bagaimanapun, Kementerian telah memberikan nasihat-nasihat kepada pihak pemaju dan juga pihak pembeli mengikut ataupun berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di dalam Perjanjian Jualbeli yang telah pun ditandatangani oleh pembeli-pembeli.

Kami di Kementerian juga berharap pembeli-pembeli akan mengambil tindakan-tindakan mahkamah mengikut peruntukan-peruntukan yang ada kerana ingin saya menyatakan kontrak ialah satu perjanjian di antara dua pihak; pembeli dan juga pemaju. Jadi, oleh kerana itu peruntukan-peruntukan memang ada bagi pembeli untuk mengambil tindakan-tindakan melalui mahkamah. Tidak jugalah dinafikan beberapa masalah remeh-temeh yang ditimbulkan oleh pembeli-pembeli ini tadi menyebabkan sukar bagi penyelesaian untuk dibuat. Pihak Kementerian juga sedang berusaha untuk menyelesaikan aduan-aduan dan mengemaskinikan Akta dan membaiki juga pembahagian aduan kepada pembeli-pembeli rumah dari masa ke semasa.

Juga, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi berkenaan dengan kelewatan mendapatkan CFO dan penyerahan rumah tanpa bekalan air dan api, Kementerian sebenarnya sedar terhadap masalah ini dan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasinya, antaranya ialah mengadakan perundingan dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan, seperti Lembaga Letrik Negara, Jabatan Bekalan Air dan juga Jabatan

Telekom. Kelewatan keluar CFO ini adalah perkara ini telah dibincangkan dari semasa ke semasa di dalam Kementerian dan garis panduan mengenainya telah pun disediakan.

Pindaan juga telah dibuat di dalam Peraturan Mengawal dan Pelesenan Perumahan di dalam tahun 1982 yang mensyaratkan pemaju menyerahkan kunci rumah bersama-sama dengan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) serta dengan bekalan air dan bekalan elektrik. Di sini juga inginlah saya menyatakan di dalam masalah mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki ini ada juga beberapa agensi dan Jabatan-jabatan yang lain yang perlu juga memainkan peranan mereka dan saya ingin menyeru kepada mereka ini untuk bersama-sama bekerja, berusaha supaya kita dapat memberi perkhidmatan yang bermutu kepada rakyat di negara ini.

Berhubung dengan masalah penyerahan kunci dan rumah tanpa CFO, bekalan air dan api juga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kes-kes ini adalah melibatkan projek-projek yang telah dibuat sebelum berkuatkuasanya peraturan-peraturan baru, iaitu sebelum 1hb Jun 1982, seperti yang dinyatakan di atas tadi, kerana Perjanjian Jualbeli yang baru ini ataupun "Standard Agreement", Perjanjian Jualbeli yang seragam ini memang memerlukan pemaju menyediakan juga bekalan api dan air dan Sijil Kelayakan Duduk sebelum menyerahkan rumah kepada pihak pembeli. Sebelum 1hb Jun, 1982 ini rumah-rumah banyak diserahkan kepada pembeli setelah mendapat, dengan izin, "Certificate of Practical Completion" daripada akitek-akitek pemaju sendiri dan kes-kes sedemikian sebenarnya telah diambil perhatian oleh Kementerian dan Kementerian cuba menyelesaikannya dengan cara berunding dengan

Jabatan-jabatan yang berkaitan, di samping mengarah pemaju-pemaju menjalankan tanggungjawab mereka.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah pun membangkitkan perkara berkenaan dengan prestasi Majlis-majlis Daerah dan membangkitkan perkara kebersihan. Ingin saya menyatakan di sini berkenaan dengan masalah kekotoran dan kebersihan ini bukan sahaja di kawasan Ahli Yang Berhormat, tetapi kalau kita membaca akhbar-akhbar tempatan, boleh dikatakan di mana-mana tempat mendapatnya.

Perkara ini Ahli Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi yang saya hormati, rasa saya memerlukan usaha bersama, bukan sahaja usaha Majlis-majlis Tempatan tetapi juga usaha-usaha kita iaitu rakyat jelata untuk membersihkan kawasan kita semua kerana kalau kita rakyat sanggup duduk di dalam kawasan yang kotor saya rasa beberapa usaha ahli-ahli Majlis Tempatan ataupun pekerja-pekerja tempatan tidak juga akan menyelesaikan masalah ini tanpa penyertaan rakyat jelata dan saya ingin jugalah mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Lumut dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari semua kawasan untuk bersama-sama mengambil tindakan dan melancarkan kempen-kempen kebersihan di dalam kawasan masing-masing.

Kebelakangan ini juga Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah juga membuat cadangan supaya dermawan-dermawan tampil ke hadapan untuk menderma kepada Majlis-majlis Tempatan ini dan derma-derma mereka itu akan dapat pelepasan cukai dalam tahun 1985. Jadi Ahli Yang Berhormat dari Lumut, sama-samalah kita berusaha untuk membersihkan kawasan kita semua.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lumut ini tadi berkenaan dengan kampung-kampung baru dan juga berkenaan dengan kesesakan penduduk di kawasan-kawasan kampung baru dan beliau juga menyentuh berkenaan dengan wang yang telah dicurahkan di satu tempat, rasa saya mengikut keterangan yang saya dapat di dalam Kementerian ini oleh kerana disebabkan kekurangan sumber kewangan maka pengagihan itu mungkin tidak seimbang oleh kerana kekurangan kewangan. Sekiranya kewangan itu ada rasa saya masalah pengagihan itu tidak menjadi masalah. Oleh kerana kekurangan kewangan maka Kementerian perlulah membuat senarai keutamaan dan tempat-tempat yang lebih memerlukan itu akan mendapat kewangan itu lebih dahulu, insya-Allah kalau wang itu ada saya rasa sampailah dia bukan sahaja di Lumut tetapi di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerantut telah juga membangkitkan beberapa perkara pertamanya berkenaan dengan pelan-pelan rumah dan meminta kita memperketatkan lagi peraturan supaya menghadkan pelan-pelan ini. Terima kasih atas cadangan beliau, kita memang ingin hendak berbuat demikian dan saya berharap Kerajaan Negeri juga akan sama-sama memberi kerjasama untuk melaksanakan pelan-pelan yang lebih selisa lagi untuk rakyat semua.

Berkenaan dengan membina rumah sendiri iaitu skim pinjaman perumahan yang diadakan di dalam Kementerian, saya juga berterima kasih kepada beliau kerana menyeru supaya lebih banyak lagi peruntukan diadakan bagi maksud tersebut dan kami juga berharap bila keadaan ekonomi mengizinkan kita juga berharap akan mendapat peruntukan yang lebih supaya kita dapat menolong

lebih ramai lagi rakyat yang memerlukan pertolongan di dalam usaha untuk membina rumah mereka sendiri.

Saya tidak akan menyentuh lagi atau menjawab berkenaan dengan penyelenggaraan Majlis Tempatan ini kerana ini ada sangkut-pautnya tadi dengan perkara kebersihan dan saya telah pun sentuh tentang perkara itu.

Juga Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya mereka yang berpendapatan atas daripada \$750 tetapi masih dalam lingkungan pendapatan yang boleh dikatakan rendah untuk mereka ini juga diberi peluang untuk membeli rumah-rumah kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang saya sebutkan tadi Kerajaan-kerajaan Negeri saya berharap di masa akan datang akan dapat membina dengan lebih banyak lagi rumah-rumah yang dikatakan rumah kos sederhana rendah dan rumah-rumah ini akan dapat dimiliki oleh kumpulan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Berkenaan dengan kawasan lapang yang terdapat di tempat-tempat rumah kos rendah, ingin saya menyatakan di sini iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri memang ada rancangan untuk membuat, membangunkan kawasan-kawasan ini tetapi rasa saya oleh kerana keadaan kewangan tidak mengizinkan maka belumlah lagi dapat disediakan tempat-tempat yang disebutkan ini.

Saya juga berterima kasih kepada beliau dengan cadangan beliau supaya kita kemaskini cara-cara ataupun sistem kutipan hasil di Majlis-majlis Tempatan dan ini saya harap akan dapat kita laksanakan.

Kami juga di Kementerian sedar bahawa jawatan Yang di-Pertua Majlis

ini memang dipangku oleh Pegawai-pegawai Daerah dan kami berharap Pegawai-pegawai Daerah kita akan dapat mengatur masanya ataupun merancangkan masanya supaya dapat bersama-sama dengan pegawai pembantu ataupun Penolong-penolong Pegawai Daerahnya untuk mentadbirkan Majlis-majlis Tempatan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah pun memberi beberapa cadangan berkenaan dengan kajian yang telah dibuat oleh Kementerian berkenaan dengan pelan struktur Ipoh dan saya berharap di masa akan datang memanglah menjadi hasrat Kerajaan juga untuk memberi keutamaan kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan pada pandangan saya pelan struktur Ipoh ini tidaklah mengeneipkan golongan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Insya-Allah kalau kita lebih wang lagi atau keadaan kewangan kita mengizinkan kita akan membuat kajian yang lebih menyeluruh tetapi rasa saya baru peringkat ini kita memangnya memerlukan pandangan-pandangan daripada rakyat terutamanya di kawasan Ipoh berkenaan dengan pelan struktur ini dan kita akan ambil perhatian. Apa yang saya harap ialah rakyat tampil ke hadapan dan betul-betul menyertai di dalam usaha untuk mengumpul maklumat ini. Sekiranya mereka bersetuju dengan pelan struktur Ipoh itu silalah beri pendapat mereka mengatakan yang mereka menyokong, jangan duduk diam-diam sahaja kerana ada beberapa kumpulan hanya tahu mengkritik tetapi tidak mahu hendak memberi pandangan mereka. Kalau bersetuju sokong, tak bersetuju, sokong jugalah (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, rasa saya dalam masa yang singkat ini dapatlah juga saya menyentuh beberapa perkara

yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya saya tidak dapat jawabkan semua saya minta maaf kerana bukanlah tujuan saya hendak mengabaikan tetapi kita mengambil perhatian dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$40,622,600 untuk Maksud B. 14; \$7,916,500 untuk Maksud B. 15 dan \$54,482,200 untuk Maksud B. 16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40,622,600 untuk Maksud B. 14; \$7,916,500 untuk Maksud B. 15 dan \$54,482,200 untuk Maksud B. 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$306,534,290 yang disebutkan dalam Maksud P. 14 dan \$5,350,010 untuk Maksud P. 16 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$306,534,290 untuk Maksud P. 14 dan \$5,350,010 untuk Maksud P. 16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Maksud B. 17 (Jadual)—*

*Maksud P. 17 (Anggaran Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan 17 dan Maksud Pembangunan 17 terbuka untuk dibahas.

*6.02 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk menghuraikan beberapa perkara mengenai Kementerian yang berkenaan dan saya suka memulakan dengan menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 71, Butiran 1—Perumahan Awam di Wilayah Persekutuan di bawah maksud Pembangunan 17.

Mengenai perkara perumahan awam, saya ingin menyentuh perkara berhubung dengan kekurangan rumah-rumah awam yang teruk terutamanya rumah kos rendah dan kos sederhana bagi menampung keperluan golongan miskin dan berpendapatan rendah dan saya ingin mengambil peluang ini untuk menyeru Perbendaharaan supaya memberi peruntukan wang yang lebih banyak kepada Kementerian untuk program perumahan awamnya.

Saya mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri yang berkenaan semasa menggolong perbincangan belanjawan di Dewan ini pada 7hb November 1984 apabila beliau berkata bahawa Kementerian yang berkenaan memberi perhatian yang serius kepada masalah perumahan terutamanya perkara-perkara yang melibatkan golongan yang berpendapatan rendah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian bercadang membina 30,000 unit rumah kos rendah tetapi ia hanya boleh berupaya membina lebih kurang 19,252 unit bagi tempoh yang tersebut. Ini disebabkan mengikut Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kekurangan peruntukan wang dan lain-lain masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan projek pembangunan.

Menurut Timbalan Menteri yang berkenaan Kementerian Wilayah Persekutuan telah memutuskan untuk menggalakkan penswastan projek perumahan bagi memastikan bahawa pelaksanaan projek rumah kos rendah dilaksanakan. Saya akan menyokong konsep penswastan projek perumahan kos rendah jika objektifnya ialah menyejatkan pembinaan rumah kos rendah untuk keperluan mereka yang memerlukan dengan seberapa cepat yang boleh. Salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh sektor swasta telah menghindarkan penyertaan sektor swasta dalam pembinaan rumah kos rendah ialah kos tanah yang tinggi.

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kementerian menyedari hal ini dan akan mengambil langkah mengatasi masalah yang berkenaan. Sebagai satu cara menggalakkan sektor swasta melibatkan diri dalam pembinaan rumah kos rendah saya ingin mencadangkan untuk pertimbangan Kerajaan bagi mengecualikan pemaju-pemaju swasta daripada membayar bayaran perubahan syarat jika mereka membina rumah-rumah kos rendah di atas tanah-tanah swasta. Satu lagi cadangan yang saya ingin kemukakan untuk membantu pemaju-pemaju swasta bagi membina rumah kos rendah dan kos sederhana ialah pihak berkuasa berkenaan hendaklah memastikan tidak ada kelewatan dalam memberi kelulusan perancangan dan bangunan untuk sesuatu jenis rumah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Kerajaan supaya memberi satu peruntukan yang lebih besar kepada Kementerian Wilayah Persekutuan untuk program perumahan awam memandangkan betapa seriusnya masalah perumahan dalam Wilayah Persekutuan ini. Berhubung dengan keupayaan

pelaksanaan, saya suka menyeru Kementerian yang berkenaan bagi membincangkan masalah dan mencari jalan meningkatkan kemampuan pelaksanaannya oleh kerana masih belum memuaskan jika dilihat hanya lebih sedikit 50% matlamat perumahan kos rendah yang dapat dicapai untuk Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara perumahan awam, saya ingin juga membangkitkan perkara peruntukan perumahan untuk berbagai kaum dan saya suka mencadangkan kepada Kementerian sebagai satu perkara dasar untuk menambah peruntukan kuota untuk bukan bumiputera memandangkan bahawa sebahagian besar pemohon ialah bukan bumiputera yang menunjukkan mereka adalah satu golongan yang sangat memerlukan. Menteri berkenaan daripada jawapan dalam Dewan ini pada 25hb Oktober 1984 menyatakan bahawa sehingga akhir September 1984 bilangan pemohon rumah kos rendah yang berdaftar dengan Dewan Bandaraya berjumlah 5,928 orang dan daripada jumlah ini 31.6% ialah orang Melayu, 50.3% ialah orang Cina dan 0.17% orang India dan 0.9% ialah kaum-kaum yang lain. Untuk rumah kos sederhana jumlah yang memohon ialah 35,917 orang hanya mengandungi 41.3% orang Melayu, 42% orang Cina, 16% orang India dan 0.7% ialah lain-lain. Daripada angka yang telah diberi tanpa diragukan bahawa kebanyakan orang yang memohon rumah-rumah awam kos rendah dan kos sederhana ialah bukan bumiputera dan oleh kerana mereka perlu diberikan kuota peruntukan yang besar daripada mereka yang layak sekarang. Daripada cabutan undi yang terakhir ini untuk mendapatkan rumah-rumah kos rendah yang dijalankan lebih kurang dua tahun yang lalu ia menunjukkan 62% orang Melayu, 27% orang Cina dan 10% orang India dan bakinya lain-lain kaum.

Berhubung dengan kuota untuk berbagai kaum meskipun pada hakikatnya bahawa kebanyakan mereka yang memohon rumah pangsa kos rendah ialah bukan bumiputera. Memandangkan di atas saya ingin menggesa Kementerian berkenaan supaya menimbangkan, mengkaji semula dasar peruntukan dan membuat peruntukan untuk kuota peruntukan yang lebih besar untuk bukan bumiputera berdasarkan sebab-sebab yang saya ada menyebutkan di sini.

Mengenai perkara perumahan awam sekali lagi saya suka mengulaskan kenyataan dari Menteri berkenaan bahawa Kerajaan dan Dewan Bandaraya pada masa akan datang akan membina hanya rumah pangsa 5 tingkat sahaja sebagai menggantikan rumah pangsa berbilang tingkat kerana telah terbukti bahawa rumah pangsa berbilang tingkat membangkitkan banyak masalah kepada penghuni rumah pangsa dan memerlukan belanja penyenggaraan yang tinggi oleh Kerajaan.

Sebenarnya, saya telah menyuarakan dalam Dewan ini beberapa tahun yang lalu bahawa Kerajaan hendaklah membina lebih banyak rumah pangsa bertingkat rendah daripada berbilang tingkat tingginya kerana banyak masalah dihadapi oleh penghuni-penghuni rumah pangsa.

Tuan Pengerusi, masalah seperti kerosakan-kerosakan lif, gangguan bekalan air, ruang-ruang sampah tanpa tudung, lampu-lampu rosak yang tidak diganti adalah beberapa masalah biasa yang kerap kali dialami oleh penghuni-penghuni rumah pangsa bertingkat tinggi.

Memandangkan di atas, saya ingin menggesa Kementerian supaya mengambil tindakan meningkatkan penyenggaraan kemudahan awam

dalam rumah pangsa berbilang tingkat dan memastikan bahawa semua aduan yang tulen daripada penghuni-penghuni rumah pangsa dilayan dengan segera oleh Penyelia-penyelia Perumahan Dewan Bandaraya.

Berhubung dengan kerosakan lif yang menjadi masalah serius yang dihadapi oleh semua rumah pangsa berbilang tingkat Dewan Bandaraya, saya ingin menegaskan di sini, walaupun saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali di dalam Dewan bahawa Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk menggantikan lif-lif yang sudah lama, tidak boleh dipakai dan mudah menimbulkan masalah dengan lif baru demi kepentingan keselamatan para penghuni rumah pangsa.

Saya faham bahawa Dewan Bandaraya mempunyai rancangan-rancangan menukar lif-lif lama yang sentiasa memberi masalah kepada lif-lif baru tetapi saya ingin mengambil peluang ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memberi butir-butir jumlah wang yang ada bagi tujuan ini dan rumah pangsa yang mana ada terlibat.

Saya suka mencadangkan di sini supaya Bahagian Jentera di Jabatan Buruh sentiasa membuat pemeriksaan di semua lif di rumah pangsa berbilang tingkat bagi memastikan keselamatan orang ramai yang menggunakannya, terutama penghuni-penghuni rumah pangsa.

Saya juga suka menggesa Dewan Bandaraya atau Kementerian berkenaan supaya mengambil pandangan serius mengenai pembekal-pembekal lif atau syarikat lif yang tidak berupaya memberi perkhidmatan penyenggaraan yang cekap dan tindakan hendaklah diambil terhadap mereka selaras dengan perjanjian.

Dewan Bandaraya hendaklah mengambil tindakan yang keras dan

tegas bagi memastikan bahawa tanda amaran dan papan tanda yang sempurna hendaklah diletakkan di lif-lif yang sedang dibaiki bagi mengelakkan kemalangan. Dewan Bandaraya mestilah memastikan bahawa pembaiki lif mengambil langkah-langkah pencegahan yang perlu bagi mengelakkan kemalangan. Setakat ini tiga kejadian telah berlaku di rumah pangsa kos rendah Dewan Bandaraya yang mana seorang suri rumahtangga dan dua orang kanak-kanak berumur 8 tahun terjatuh ke dalam lubang lif dan meninggal dunia di situ.

Saya harap Menteri berkenaan akan mengambil satu pandangan yang serius mengenai pembekal-pembekal lif yang tidak bertanggungjawab apabila mereka melaksanakan tugas mereka untuk membaiki lif dan seterusnya tindakan yang tegas hendaklah diambil terhadap mereka.

Sekarang saya suka merujuk kepada Butiran 2, mengenai Pengawasan Penempatan Setinggan-setinggan. Mengenai perkara kawalan setinggan di Wilayah Persekutuan, saya suka mencadangkan kepada Direktorat Penguatkuasa Dewan Bandaraya yang mempunyai kuasa dan bertugas mengenai masalah setinggan supaya selalu menggunakan pendekatan perikemanusiaan semasa menguruskan soal setinggan. Selagi tidak cukup rumah-rumah kos rendah untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah, masalah setinggan akan terus wujud dan saya cadangkan kepada Kementerian berkenaan supaya lebih bersimpati dan tidak akan merobohkan rumah setinggan jika tanah yang mana setinggan duduki itu tidak diperlukan dengan segera untuk pembangunan.

Mengenai perkara yang sama, saya suka membawakan perkara ini untuk pengetahuan Kementerian mengenai

kesusahan setinggan yang ingin membuat kerja-kerja pembaikan kecil rumah-rumah mereka yang menghadapi masalah seperti atap bocor, dinding rosak yang merupakan satu bahaya kepada keluarga setinggan yang menghuni rumah-rumah itu.

Setinggan yang terlibat dikehendaki pada masa ini memohon kelulusan Dewan Bandaraya untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan. Permohonan ini biasanya memerlukan satu masa yang panjang untuk memproses, mengambil masa selama dua-tiga bulan. Ini barangkali berpunca dari kekurangan pegawai-pegawai yang menguruskan banyak permohonan yang diterima.

Selama tempoh itu keluarga setinggan yang terlibat terpaksa menghadapi keadaan tidak selesa dan terus tinggal di bawah keadaan bahaya.

Untuk mengatasi masalah ini dan untuk kepentingan keselamatan keluarga setinggan yang terlibat, saya suka mencadangkan kepada Jabatan berkenaan supaya memakai satu sistem yang boleh menggerakkan proses semua permohonan dan memberi kelulusan dalam tempoh dua minggu. Dalam cara ini setinggan yang terlibat tidak terpaksa menghadapi berbagai ketidak selesaan dan bahaya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin beralih kepada muka surat 72, Butiran 3—Sistem Pengangkutan Awam (i) Aerobus dan (ii) Light Rapid Transit. Selepas begitu banyak pengumuman mengenai pengenalan Sistem Aerobus dan Sistem Rel Laju Ringan adalah jelas bahawa dua sistem ini berdepan dengan dua masalah kewangan dan nampaknya terpaksa ditangguhkan. Kedua sistem ini memerlukan belanja yang besar. Sistem Aerobus dijangka menelan belanja \$110.7 juta dan Sistem Rel Laju Ringan dijangka menelan belanja \$2.3 ribu juta.

Pada akhir-akhir ini terdapat ramalan bahawa cadangan projek Aerobus akan dibekukan dan keutamaan akan diberi kepada Sistem Rel Laju Ringan.

Sekarang orang ramai di Kuala Lumpur begitu mengambil berat keperluan memperbaiki sistem pengangkutan awam yang ada sekarang dan oleh kerana itu saya suka menggesa Menteri berkenaan supaya memberi penjelasan berhubung perkembangan terakhir mengenai dua sistem yang saya sebutkan di sini. Saya juga suka meminta Menteri sama ada Jawatankuasa Pengangkutan Awam yang telah ditubuhkan supaya menyelaras dan melicinkan sistem pengangkutan di Bandaraya ini.

Sekarang saya suka merujuk kepada Butiran 20 mengenai Jalanraya dan Jambatan-jambatan. Mengenai perkara jalanraya dan jambatan, saya merasa dukacita menyatakan di sini bahawa peruntukan \$8.4 juta untuk tahun 1985 adalah terlalu kecil dan dalam apa cara sekali pun tidak akan membantu melaksana projek memperbaiki aliran lalulintas dan mengurangkan kesesakan di bandaraya.

Saya suka mengambil peluang ini untuk menggesa Kementerian supaya mengambil tindakan awal untuk menggantikan Bulatan Edinburgh yang ada sekarang di depan Dewan Bahasa dan Pustaka dan satu lagi di Jalan Pahang/Jalan Tun Razak dengan jejambat. Begitu juga tindakan awal hendaklah juga diambil bagi melebar dan memperbaiki tiga jalan utama di Wilayah Persekutuan—Jalan Cheras, Jalan Gombak dan Jalan Genting Kelang dengan tujuan mengurangi kesesakan lalulintas.

Jalan Cheras telah menjadi satu masalah serius kerana jalannya terlalu sempit untuk menampung kesesakan pengguna-pengguna jalanraya yang

tinggal dalam lebih 30 buah kawasan perumahan. Inilah masa peruntukan yang lebih disediakan untuk memperbaiki Jalan Cheras. Pemaju perumahan dalam kawasan ini hendaklah memberi sumbangan kepada Dewan Bandaraya supaya menjalankan kerja-kerja memperbaiki dan meluaskan jalan.

Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan mengkaji persoalan untuk mendapatkan lebih banyak wang untuk Dewan Bandaraya bagi menjalankan kerja-kerja memperbaiki beberapa batang jalan dan menggantikan bulatan-bulatan dengan jejambat.

Mengenai perkara letak kereta, saya mendapati bahawa tawaran telah dikeluarkan untuk membina tempat letak kereta di bawah tanah bagi mengatasi masalah meletak kereta yang kian bertambah dalam Bandaraya.

Inilah satu langkah dalam arah yang betul tetapi saya juga suka mencadangkan kepada Kementerian untuk menimbang membina tempat letak kereta di atas Sungai Gombak dan Sungai Kelang di tengah-tengah Bandaraya.

Jika Kerajaan tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk melaksanakan projek ini maka saya berpendapat bahawa sektor swasta bolehlah dipelawa untuk menyertai projek ini.

Sekarang saya suka menyentuh sedikit mengenai Pentadbiran Am, muka surat 69 mengenai Perancangan dan Penyelidikan, Butiran 1.2. Di bawah perkara Perancangan dan Penyelidikan, saya suka membangkitkan deraf pelan struktur Kuala Lumpur yang telah diwartakan pada Ogos tahun ini. Apa yang rakyat dalam Wilayah Persekutuan perhatikan sekarang ialah penyediaan deraf pelan tempatan di bawah

Seksyen 13 (2) Akta Wilayah Persekutuan (Perancangan) 1982 untuk ulasan dan bantahan orang ramai.

Saya suka meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menyatakan apa yang telah dilakukan setakat ini berhubung dengan penyediaan deraf pelan tempatan dan bagaimana ia boleh disediakan untuk ulasan dan bantahan orang ramai.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, mengenai perkara pentadbiran, izinkan saya menggunakan kesempatan ini untuk menyentuh pentadbiran Dewan Bandaraya dan perlantikan ahli-ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya.

Walaupun masih terdapat kekurangan dan kelemahan dalam pentadbiran Bandaraya dan perlu pula diperbaiki, tetapi, saya mesti memberi pujian kepada semua Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya yang telah bekerja keras dan dengan ikhlas untuk membantu menyelesaikan berbagai masalah di dalam Kuala Lumpur.

Berhubung dengan Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya yang telah ditubuh bagi tujuan untuk menasihati Datuk Bandar mengenai pengurusan dan pentadbiran Bandaraya, saya suka mencadangkan supaya Lembaga Penasihat ini dapat disusun semula untuk melibatkan penyertaan wakil-wakil yang dilantik oleh rakyat yang dipilih oleh rakyat yang berada dalam kedudukan terbaik untuk memberi maklum-balas kepada Dewan Bandaraya dan membantu Dewan Bandaraya merumus dasar-dasar untuk mentadbir Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa mesyuarat-mesyuarat Lembaga Penasihat hendaklah dibuka

kepada orang ramai selaras dengan konsep yang digunakan oleh Lembaga Perbandaran Petaling Jaya yang membuka mesyuarat mereka kepada orang ramai. Ini akan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengetahui dan memahami bagaimana peranan Lembaga Penasihat dalam membantu Datuk Bandar mengurus dan mentadbir Bandaraya.

Maka dengan ulasan saya ini, saya suka memberi sokongan kepada peruntukan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan ini.

6.24 *ptg.*

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri (Setapak):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 17, Butiran 2—Pentadbiran Agama Islam Wilayah Persekutuan, muka surat 69 dan 70 iaitu perkara 2 (3) yang bersangkutan dengan Baitulmal/Zakat.

Dalam memperkatakan Baitulmal, terdapat ramai orang-orang Islam yang tinggal di Wilayah Persekutuan yang agak masih tidak mengetahui peranan yang dijalankan oleh Baitulmal ini dalam meninggikan taraf ekonomi orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan ini. Institusi ini tidak terkenal umum kerana ia bukanlah suatu badan yang berotonomi seperti badan-badan dan lembaga-lembaga yang lain yang diberi pemberian tahunan dan kuasa seperti badan-badan yang lain yang berkanun. Tetapi bagi Baitulmal Wilayah Persekutuan, ia adalah sebuah Baitulmal yang tersendiri dan yang istimewa dalam negara kita ini. Saya berani memperkatakan ianya istimewa kerana seperti di dalam negeri-negeri yang lain di dalam Malaysia ini Baitulmal duduk di bawah naungan Kerajaan Negeri dan untuk Baitulmal Wilayah Persekutuan

ini, ianya duduk di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Seperkara yang ingin saya sentuh berkenaan dengan Baitulmal ini ialah bahawa sebentar tadi di dalam soal jawab, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah memperkatakan kerjasama yang telah diberi oleh Dewan Bandaraya kepada Baitulmal berkait dengan lesen-lesen yang dikeluarkan untuk gerai-gerai ataupun kereta-kereta sorong yang dibina oleh Baitulmal, iaitu kalau perkara ini benar-benar berlaku, saya rasa bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana apa yang saya terima iaitu pihak Dewan Bandaraya kadangkala menolak usaha-usaha bagi meninggikan taraf ekonomi orang-orang Islam di dalam Wilayah Persekutuan dengan tidak memberi lesen-lesen yang dikehendakki oleh Baitulmal ini.

Seperkara lagi ialah bahawa di dalam rancangan Baitulmal, iaitu di dalam rancangan pembangunannya yang akan menelan belanja \$100 juta lebih, Baitulmal sendiri mempunyai keanggotaan atau kakitangan yang begitu kecil dengan ketua bahagiannya yang terpaksa memperlihatkan bahawa semua rancangan Baitulmal ini berjalan dengan baik dan licin. Bukan sahaja itu, kita dapati bahawa kakitangan Baitulmal ini duduk di dalam satu scale yang agak rendah, tidak seperti di dalam badan-badan atau lembaga yang lain-lain. Oleh kerana itu saya ingin menyanan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan memberi perhatian yang serius terhadap tanggungjawab yang dijalankan oleh anggota-anggota Baitulmal ini dengan pembangunan yang ada di dalam kepala mereka iaitu mendirikan beberapa pusat termasuklah sebuah hospital untuk umat Islam di Wilayah Persekutuan ini. Dan daripada segi perjawatan atau emolument ini kita dapati bahawa

ketua badan Baitulmal ini mempunyai peringkat gaji hanya A. 24 dan yang mana ia adalah tingkatan biasa seperti yang ada di dalam perkhidmatan Kerajaan.

Apa yang saya lihat melalui perhubungan saya dengan Baitulmal ini bahawa anggota-anggota yang bekerja di dalam Baitulmal Wilayah Persekutuan ini merupakan satu badan yang begitu kuat dan begitu dedikasi di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap Baitulmal ini. Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan agar kakitangan ini dinaikkan ke tingkat yang wajib atau yang perlu, mungkin Tingkatan-tertinggi G atau A. 12 sekurang-kurangnya. Dan kita tahu bahawa projek perumahan Baitulmal ini menelan belanja yang agak besar dan mereka inilah iaitu anggota-anggota Baitulmal ini sahajalah yang mengelolakan semua projek yang ada di dalam Baitulmal.

Dan seperkara lagi yang ingin saya jelaskan di sini bahawa sebuah bangunan hendak didirikan oleh Baitulmal di Jalan Haji Hussein iaitu tidak kurang daripada 12 tingkat tingginya. Dan pihak Dewan Bandaraya belum dan tidak lagi memberi kelulusan terhadap petak-petak kereta yang akan diadakan di sekitar bangunan yang hendak didirikan oleh Baitulmal ini. Apa yang saya difahamkan bahawa pihak Dewan Bandaraya telah memohon atau meminta sebanyak \$15 ribu bagi Baitulmal membayar setiap petak kereta yang akan diadakan di sekitar bangunan baru di Jalan Haji Hussein ini kelak. Dan sudah barang tentu ini akan menelan belanja yang begitu banyak dan oleh kerana itulah maka pada petang hari tadi di dalam waktu soal jawab, saya mempersoalkan sama ada kerjasama dapat diadakan di antara pihak Baitulmal dan Dewan Bandaraya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung esok.

**Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*